

6/11/2008 (Khamis)

Selatan: 268 premis gagal miliki Sijil Perakuan Bomba

Oleh Mohd Roji Abdullah mdroji@bharian.com.my

BATU PAHAT: Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor mendapati kira-kira 35 peratus daripada 768 premis di negeri ini yang ditetapkan supaya memiliki Sijil Perakuan Bomba, masih gagal mematuhi arahan itu. Kegagalan mendapatkan sijil itu berpunca daripada kelalaian pemilik bangunan menyediakan pelbagai langkah dan ciri keselamatan kebakaran yang ditetapkan bomba, bukannya akibat kerenah birokrasi. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor, Abdul Ghani Daud, berkata berikutan kegagalan itu lebih 15 premis dikenakan tindakan mahkamah mengikut Seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, sejak tahun lalu.

Beliau berkata, tahun ini saja lima premis dikenakan tindakan undang-undang kerana gagal mematuhi syarat keselamatan kebakaran yang ditetapkan. "Walaupun lebih separuh daripada 768 premis yang ditetapkan supaya memiliki Sijil Perakuan Bomba sudah memperolehnya, masih ada lagi yang tidak memiliki sijil itu kerana gagal mematuhi syarat yang kita tetapkan.

"Punca utama kegagalan mendapatkan sijil perakuan itu ialah pemilik premis tidak mematuhi keselamatan minimum yang ditetapkan iaitu mewajibkan semua peralatan dan sistem keselamatan kebakaran berfungsi dengan baik serta penyediaan laluan keselamatan untuk memudahkan penghuni atau pekerja menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian Simposium Perakuan Bomba 2008 yang dibacakan oleh Timbalannya, Shukor Sani Hashim di Hotel Katerina di sini, semalam. Lebih 200 pengurus dan pemilik premis perniagaan, kilang dan hotel dari seluruh negeri menghadiri simposium kedua dianjurkan Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri itu.

Abdul Ghani berkata, pelaksanaan Sijil Perakuan Bomba adalah cara penguatkuasaan terpenting dan mudah untuk mencegah kebakaran di sesebuah premis. "Dengan adanya sijil perakuan ini keselamatan nyawa penghuni atau pekerja serta harta benda yang ada di dalam premis itu lebih terjamin kerana bomba sudah membuat pemeriksaan dan meluluskan semua ciri keselamatan yang disediakan termasuk laluan menyelamatkan diri yang ditetapkan bomba," katanya.

Katanya, dengan adanya sijil perakuan itu, pengurusan premis dituntut lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan kebakaran dan mengawal selia serta penyelenggaraan sistem melawan kebakaran di premis berkenaan. "Selain kerap melakukan pemeriksaan bagi memastikan

peralatan melawan kebakaran berfungsi apabila diperlukan, pengurusan premis juga harus memantau jika berlaku perbuatan vandalisme yang boleh mengganggu sistem mencegah kebakaran yang ada," katanya.

6/11/2008 (Khamis)

Utara: Ahli PBT dipecat jika salah guna kuasa

Oleh Rosdalilah Zahari

IPOH: Ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) sama ada dari kalangan ahli parti politik atau wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), boleh dilucutkan jawatan mereka serta-merta jika menyalahgunakan kuasa atau terbabit perbuatan tidak bermoral. Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana daripada 338 ahli majlis PBT jika terbukti melakukan perkara dilarang dan berkaitan moral seperti memecat seorang ahli Majlis Daerah Perak Tengah, yang mengaku mengadakan hubungan seks dengan wanita warga asing, baru-baru ini.

"Terbaru, kami turut menerima satu tuduhan penyalahgunaan wang oleh seorang ahli Majlis Daerah Grik. Namun, kerajaan negeri belum membuat sebarang keputusan berhubung kedudukannya memandangkan polis masih menjalankan siasatan. "Ahli majlis terbabit masih menjalankan perkhidmatannya seperti biasa tetapi jika dia didapati bersalah, kerajaan negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atasnya," katanya berucap di hadapan 338 ahli majlis dari 15 PBT seluruh negeri ketika merasmikan Seminar Ahli Majlis PBT negeri di Dewan Bankuet di sini, kelmarin. Turut hadir, Exco Jawatankuasa Pendidikan, Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Awam negeri, Nga Kor Ming dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Dr Abd Rahman Hashim.

Mohammad Nizar juga berkata, seminar yang julung kali diadakan itu bertujuan membincangkan beberapa perkara membabitkan peranan ahli majlis PBT di samping mempertingkatkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Selain itu, katanya, kerajaan negeri bercadang menjadikan seminar berkenaan sebagai acara tahunan supaya perkhidmatan ahli majlis dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna di kawasan seliaan masing-masing. Beliau berkata, ahli majlis juga akan diberi penilaian oleh pegawai dan Yang Dipertua PBT selain maklum balas dari orang ramai berdasarkan tugas mereka, bermula Julai hingga akhir tahun ini.

"Jika prestasi ahli majlis itu mencapai kualiti yang dikehendaki berkemungkinan perkhidmatan mereka disambung, malahan elaun juga akan dinaikkan berdasarkan prestasi yang ditunjukkan. "Sehubungan itu, kerajaan negeri akan berbincang dalam masa terdekat berkenaan perkara terbabit sebelum keputusan dibuat," katanya. Sementara itu, beliau bersetuju dan menyambut baik kenyataan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali yang ingin bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk menangani masalah miskin tegar dan setinggan sifar menjelang 2010.

6/11/2008 (Khamis)

Syor siasat projek jalur lebar ditolak

DEWAN Rakyat semalam menolak usul Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menubuh Suruhanjaya Bebas Diraja bagi menyiasat projek jalur lebar bernilai RM11.31 bilion kepada Telekom Malaysia Bhd (TM) yang didakwa dilakukan tanpa melalui proses tender terbuka.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata usul itu ditolak kerana pihaknya mendapati perkara itu tidak perlu disegerakan walaupun ia perkara tertentu dan mempunyai kepentingan ramai. "Saya sudah meneliti perkara ini dan mendapati ia perkara yang tertentu dan berkepentingan ramai tetapi saya berpendapat tidak perlu disegerakan," katanya.

Anwar (PKR-Permatang Pauh) yang tidak berpuas hati dengan jawapan itu, terus meminta pertimbangan Wan Junaidi dengan mendakwa perkara itu membabitkan kepentingan rakyat dan suruhanjaya bebas perlu ditubuhkan bagi menyiasat keraguan. "Mohon pertimbangan semula untuk menyelamatkan wang rakyat dengan membatalkan era monopoli kerajaan yang memberi projek hanya kepada satu syarikat bagi mengaut keuntungan besar.

"Saya gesa langkah segera dilakukan untuk menyiasat perkara ini kerana sebarang kelewatan akan menyebabkan kerajaan menanggung kerugian berbilion ringgit," katanya. Wan Junaidi bagaimanapun berkata keputusan yang dibuat tidak boleh ditarik balik atau disegerakan.

7/11/2008 (Jumaat)

Bayaran ex-gratia 6 hakim RM10.5j

Oleh Anwar Hussin, Faiza Zainuddin, Nor Azma Laila dan Che Wan Badrul Alias

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberikan ex-gratia berjumlah RM10.5 juta kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Salleh Abas serta lima lagi hakim kanan yang ditamatkan perkhidmatan ketika krisis kehakiman 1988. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata kerajaan memutuskan membayar RM5 juta kepada Salleh manakala Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh dan Datuk George Edward Seah Kim, masing-masing mendapat RM2 juta.

Tan Sri Mohamed Azmi Kamaruddin, Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdolcadeer dan Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh pula masing-masing memperoleh ex-gratia RM500,000. Mohamed Nazri mengumumkan perkara itu ketika pembahasan Bajet 2009 di peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat semalam .

Pada 16 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan kerajaan memutuskan untuk memberikan ex-gratia kepada enam hakim yang ditamatkan perkhidmatan ketika krisis kehakiman 1988 sebagai menghargai sumbangan mereka. Bagaimanapun, kerajaan pada ketika itu tidak mendedahkan jumlah bayaran ex-gratia berkenaan. Pada 1988, kerajaan menubuhkan tribunal khas untuk mendengar tuduhan salah laku terhadap Salleh selepas beliau menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong bagi melahirkan kekecewaan terhadap tuduhan yang dibuat kepada sistem kehakiman. Tribunal kehakiman yang ditubuhkan oleh Yang di-Pertuan Agong mencadangkan perkhidmatan Salleh dan lima hakim Mahkamah Agung itu ditamatkan atas dakwaan salah laku.

Pada sidang medianya di luar Dewan, Mohamed Nazri berkata semua bekas hakim terbabit turut menerima pencen bulanan dengan Salleh sebanyak RM5,102.16, Seah (RM5,919.90), Hamzah (RM6,508.59), Wan Suleiman (RM4,815), Eusoffe (RM4,815) manakala Azmi (RM5,916). "Pencen itu bermula sejak mereka bersara," katanya.

Beliau mendedahkan perkara itu atas gesaan Ahli Parlimen pembangkang serta masyarakat yang ingin mengetahui berapakah jumlah sebenar pampasan yang dibayar kepada hakim terbabit. "Kita tidak umum sebelum ini adalah atas kehendak hakim berkenaan tapi ia berubah berikutan permintaan orang ramai kerana ia juga wang rakyat," katanya. Minggu lalu, Mohamed Nazri dalam penggulungan perbahasan Bajet 2009 memberi jaminannya bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai jumlah sebenar pembayaran ex-gratia kepada Salleh dan lima hakim kanan terbabit. Beliau turut menjelaskan, keenam-enam hakim kanan itu ditamatkan perkhidmatan dan bukannya dipecat, maka mereka layak mendapat pencen. "Tribunal mendapati mereka melakukan kesilapan dan diberhentikan awal, jadi pencen tetap berjalan," katanya.

7/11/2008 (Jumaat)

Selatan: Bekas tentera rayu Kejora kaji kontrak

KLUANG: Seorang bekas tentera merayu majikannya, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) mengkaji semula status perkhidmatannya secara kontrak dengan agensi itu. Beliau yang enggan namanya disiarkan mendakwa bertugas sebagai Pembantu Am Rendah di Taman Sri Lambak, di sini, sejak lapan tahun lalu ketika berusia 43 tahun.

Beliau bimbang akan kehilangan kerja kerana dimaklumkan perkhidmatannya mungkin ditamatkan tidak lama lagi apabila kakitangan baru masuk. Bekas tentera terbabit berkata, beliau menemui seorang pegawai kanan Kejora di pejabatnya di Bandar Penawar, Kota Tinggi, baru-baru ini dan dimaklumkan kontrak beliau hanya akan disambung untuk tempoh enam bulan saja lagi berbanding setahun sebelum ini. "Ini yang saya bimbang kerana saya ada tanggungan. Walaupun saya bekas tentera, saya tidak meminta lebih-lebih daripada kerajaan, cukuplah jika saya dikekalkan bertugas di sini sehingga mencapai usia bersara wajib.

7/11/2008 (Jumaat)

Timur: Kelantan lulus beli asrama pelajar RM15 juta di Mesir

Oleh Khairul Anuar Abdul Samadkrull@bharian.com.my

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan meluluskan pembelian bangunan sembilan tingkat di Mesir membabitkan kos RM15 juta untuk dijadikan asrama pelajar dari negeri ini yang menuntut di pelbagai universiti negara itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah, Mohd Amar Nik Abdullah, berkata pembelian bangunan baru itu bagi menampung dua bangunan sedia ada yang sudah lama dan tidak lagi mampu menempatkan pelajar yang semakin bertambah.

"Ketika ini, jumlah pelajar persendirian dan dari negeri ini yang dibiayai Yayasan Islam Kelantan (YIK) berjumlah 1,800 orang dan dua bangunan asrama sedia ada tidak lagi mampu menampung kehadiran mereka.

"Berdasarkan perkembangan itu, kerajaan negeri hari ini meluluskan peruntukan RM15 juta untuk membeli bangunan baru sembilan tingkat bagi dijadikan asrama pelajar Kelantan di Mesir," katanya selepas mesyuarat Exco Kerajaan Negeri yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kota Darul Naim, semalam.

Mohd Amar berkata, bangunan berkenaan dijangka mampu menempatkan kira-kira 400 pelajar tetapi tidak akan dikhususkan untuk pelajar pembiayaan YIK saja, sebaliknya terbuka kepada seluruh pelajar dari negeri ini.

Katanya, negeri lain sudah mempunyai bangunan sendiri dan kerajaan negeri berpendapat sudah tiba masanya Kelantan mempunyai rumahnya sendiri bagi menempatkan pelajar negeri ini yang belajar di sana. "Bangunan baru ini terletak di kawasan yang dikenali sebagai Utara Madinah, dilihat sebagai penting untuk keperluan pelajar, sementara dua bangunan sedia ada dikekalkan dengan ubah suai bagi keselesaan pelajar," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Kerajaan Pas Kelantan menyambut baik langkah Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan RM200 juta bagi meningkatkan lagi pendidikan di negara ini membabitkan empat kumpulan sekolah. "Kerajaan Kelantan menyambut baik langkah Kerajaan Pusat itu dan berharap sebahagian daripada peruntukan berkenaan akan disalurkan juga ke sekolah agama rakyat (SAR) di bawah pentadbiran kerajaan negeri," katanya mengulas peruntukan RM200 oleh Kerajaan Pusat bagi meningkatkan lagi pendidikan empat jenis sekolah di seluruh negara, kelmarin. Keempat-empat sekolah berkenaan adalah sekolah agama bantuan kerajaan (RM50 juta), sekolah mubaligh (RM50 juta), SJK Cina (RM50 million) dan SJK Tamil (RM50 juta).

7/11/2008(Jumaat)

Utara: RM4.3j rugi 10,000 hektar sawah musnah akibat bah

Oleh Ridzuan Ahmad bhnew@bharian.com.my

ALOR STAR: Hampir 10,000 hektar sawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di Kedah dan Perlis mengalami kerugian kira-kira RM4.3 juta akibat banjir, baru-baru ini. Pengerusi Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mada, Ahmad Raden, berkata 5,401 pesawah dari empat wilayah di dua negeri itu mengalami kerugian apabila sawah mereka yang sudah mempunyai anak padi berusia sebulan ditenggelami air.

Wilayah Kubang Pasu mencatat jumlah pesawah paling ramai mengalami kerugian iaitu 3,059 orang, diikuti Yan 999 orang, Kota Star dan Pendang 703 orang dan Perlis 640 orang. "Jumlah kerugian yang ditaksirkan itu adalah mengikut harga benih dan kerja membajak sawah sebelum semaian benih dilakukan. "Petani perlu membuat laporan polis sebelum mendaftar mengenai kerugian yang dialami di PPK masing-masing.

"Kita minta petani membuat laporan polis terlebih untuk mengelak sebarang kekeliruan dan penipuan serta memudahkan PPK mengumpul data mengenai mereka yang terbabit," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, daripada 10,000 hektar sawah itu, 5,843 hektar sawah membabitkan wilayah Kubang Pasu, Yan dan lain-lain kawasan sebanyak 2,622 hektar, Kota Star (1,462 hektar) dan Perlis (1,015 hektar).

Ahmad berkata, pihaknya mula membuka pendaftaran selama tiga hari untuk petani bermula 28 Oktober lalu dan hasil dari laporan itu sudah dihantar kepada Mada untuk tindakan susulan. Beliau berharap kerajaan dapat menghulurkan bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh petani akibat banjir berkenaan. Sementara itu, Pengurus Besar Mada, Datuk Rahim Salleh berkata pihaknya sedang mengumpul data mengenai jumlah kerugian daripada petani sebelum menghantar laporan itu kepada Kementerian Pertanian dan Asas Tani.

Banjir selama lapan hari bermula 20 Oktober lalu menyebabkan lebih 3,000 penduduk di negeri ini terpaksa dipindahkan apabila penempatan mereka dinaiki air sedalam antara 0.5 hingga 1.5 meter.

7/11/2008 (Jumaat)

Utara: RM300j diperlu untuk pulih Sungai Juru tercemar

BUKIT MERTA JAM: Sungai Juru yang sebelum ini dikategorikan antara sungai paling tercemar di negara ini akan dapat dipulihkan sehingga mencapai kategori dua apabila Pelan Induk Pembangunan Sungai Juru, selesai dilaksanakan pada 2015.

Pelan yang mengandungi tiga objektif dan sedang dirangka Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang itu dijangka siap selewat-lewatnya awal tahun depan. Pengarah JPS negeri, Hanapi Mohamad Nor, berkata antara aspek yang diberi tumpuan dalam pelan itu ialah memulihkan semula kualiti air Sungai Juru, menyediakan projek tebatan banjir berkesan dan mewujudkan kawasan rekreasi.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya memerlukan peruntukan kira-kira RM300 juta bagi menjadikan semua projek yang dirancang dalam pelan berkenaan menjadi realiti. "Matlamat utama kita mahu menjadikan Sungai Juru itu menjadi kategori kelas dua sekali gus menghidupkan semula sungai yang dikategorikan kelas tiga pada masa ini," katanya selepas merasmikan Kempen Kesedaran Alam Sekitar di sini, kelmarin.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan pelan induk itu kelak, Sungai Juru bakal berubah wajah dan menjadi satu kawasan rekreasi yang menawarkan pelbagai aktiviti air. Selain itu, katanya, JPS bersama pihak lain akan terus memantau beberapa sungai di negeri ini yang teruk tercemar bagi memastikan tahap pencemarannya dapat dikawal.

"Kita sudah mengadakan beberapa perbincangan dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan industri pengeluaran untuk mewujudkan satu masyarakat cintakan alam sekitar, sekali gus mengurangkan pencemaran di negeri ini," katanya.

Mengenai projek pemulihan Sungai Pinang yang turut dikategorikan sebagai sungai paling tercemar, katanya, JPS masih menunggu untuk menyelesaikan beberapa masalah di situ sebelum melaksanakan pelan pemulihan. "Hanya masalah setinggan yang menyebabkan beberapa projek dirancang di situ terpaksa ditangguhkan tetapi kerajaan negeri memberi jaminan akan mengatasinya secepat mungkin," katanya. Beliau berkata, JPS turut akan memasang sebanyak 100 perangkap sampah tambahan menjelang 2010 di beberapa longkang yang berhubung terus dengan sungai utama di negeri ini. "Setakat ini, hanya kira-kira 150 perangkap sampah yang sudah dipasang di beberapa longkang yang menyalurkan air ke sungai utama seperti Sungai Juru, Sungai Pinang," katanya.

7/11/2008 (Jumaat)

Sentral: 829 hektar tanah berpotensi dimajukan

SEBANYAK 829 hektar tanah terbiar di seluruh Melaka sudah dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan semula bagi membolehkan penduduk negeri ini mencapai tahap sara diri menerusi Pelan Jaminan Makanan yang dirancang kerajaan negeri sejak 2006.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata menerusi pelan berkenaan, setiap tahun kira-kira 100 hektar dijangka dapat dipulihkan dengan tanaman buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang lain. "Begitu juga usaha memulihkan sawah terbiar, dijangkakan seluas 100 hektar dapat dipulihkan setahun oleh Syarikat Padi Melaka Sdn Bhd bagi mencapai mencapai tahap sara diri," katanya menjawab soalan Ismail Othman (BN-Kuala Linggi).

Mohd Ali berkata, daripada keluasan 829 hektar itu, daerah Alor Gajah mencatat jumlah tanah terbiar terbesar iaitu seluas 450 hektar, diikuti Jasin (272 hektar) dan Melaka Tengah (107 hektar).

Katanya, pemilik tanah terbiar berkenaan boleh memajukan kembali tanah berkenaan sama ada menjadi peserta atau menyewakannya kepada pengusaha menerusi perjanjian pintar.

"Semua pembangunan projek pertanian membabitkan sawah terbiar akan dibimbing oleh Jabatan Pertanian yang akan membuat pengawalan dan pengawasan dengan persetujuan bersama pemilik tanah," katanya.

7/11/2008 (Jumaat)

RM2.5b dana penyelidikan bagi hasil produk inovatif

KIRA-KIRA 50 peratus daripada geran penyelidikan berjumlah RM2.5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dimanfaatkan saintis tempatan setakat ini bagi menjalankan kajian menghasilkan pelbagai produk inovatif untuk tujuan komersial.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Fadillah Yusof, berkata geran berkenaan bukan saja dimanfaatkan pihak universiti dan institusi penyelidikan, tetapi turut merangkumi syarikat swasta yang mempunyai bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D) sendiri.

Beliau berkata, kementeriannya juga sedang merayu kepada kerajaan bagi menambah jumlah dana itu kerana wujud keperluan di kalangan saintis tempatan untuk menjalankan pelbagai kajian dan penyelidikan yang mempunyai nilai komersial.

“Kebanyakan kajian yang dijalankan itu adalah bagi menghasilkan produk yang mengikut kehendak pasaran dengan tumpuan, antaranya dalam bidang bioteknologi bagi penghasilan makanan serta dalam bidang teknologi maklumat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2008 (Nice 08) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur, semalam. Fadillah menambah, penambahan dana penyelidikan itu diperlukan kerana kaedah penyelidikan sekarang sudah semakin maju dan membabitkan kos lebih tinggi ke arah penghasilan produk yang boleh dikomersilkan secara lebih pantas.

Beliau menambah, selain bagi tujuan menghasilkan penyelidikan baru, geran di bawah Mosti itu juga boleh dimanfaatkan bagi membeli teknologi dari negara luar untuk digunakan di peringkat tempatan.

Sementara itu, Mosti dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena Nice 08, berkata bagi memastikan ciptaan yang dihasilkan saintis tempatan tidak terbiar begitu saja, kementerian itu akan membantu mereka dalam melindungi ciptaan dengan membantu mempatenkan harta intelek yang dihasilkan.

8/11/2008 (Sabtu)

Sentral: MBSA sedia RM204.5j Bajet 2009

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail nazuri@bharian.com.my

Penurunan tiga peratus berikutan pengurangan anggaran pendapatan

SHAH ALAM: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperuntukkan RM204.5 juta untuk Bajet 2009 iaitu penurunan tiga peratus berbanding RM210.9 juta dalam Bajet 2008 berikutan pengurangan anggaran pendapatan. Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu menganggarkan mampu mengutip hasil cukai RM146.8 juta, hasil bukan cukai (RM50.8 juta) dan terimaan bukan hasil RM7 juta.

Datuk Bandar, Mazalan Md Noor, berkata daripada peruntukan RM204.5 juta itu, RM186.2 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM18.3 juta untuk perbelanjaan pembangunan. "Peruntukan mengurus kita kurangkan 10 peratus berbanding tahun lalu, manakala perbelanjaan pembangunan meningkat lebih 100 peratus berbanding kira-kira RM4 juta tahun lalu," katanya pada sidang media selepas sesi pembentangan Bajet 2009 MBSA di Wisma MBSA di sini, kelmarin.

Mazalan berkata, anggaran pengurangan pendapatan hasil tahun depan berbanding tahun ini berdasarkan jumlah penalti yang tidak boleh dikutip terhadap saman yang dikeluarkan dianggarkan berjumlah RM10 juta. Katanya, walaupun kehilangan pendapatan berjumlah RM10

juta, MBSA mampu memperoleh pendapatan lain menerusi peningkatan sewaan, lesen dan permit, bayaran perkhidmatan dan perolehan dari jualan.

Daripada RM186.2 juta untuk perbelanjaan mengurus, katanya, RM25.6 juta diperuntukkan untuk Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan (RM151 juta), Aset (RM7 juta), Pemberian dan Kenaan dan Bayaran Tetap (RM1 juta) dan perbelanjaan lain, RM1.5 juta.

Mazalan berkata, RM151 juta untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan atau 81 peratus daripada perbelanjaan mengurus itu akan digunakan untuk kerja asas seperti penyelenggaraan dan pembaikan kecil, kutipan sampah dan penyelenggaraan pembersihan, mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam.

Daripada RM18.3 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan, RM4 juta diperuntukkan untuk membina sebuah terminal pengangkutan awam di Seksyen U1, menurap semula jalan (RM2.5 juta), menaik taraf tebatan banjir dan perparitan (RM1.5 juta) dan menaik taraf jalan serta baik pulih parit, lorong pejalan kaki di Kota Kemuning berjumlah RM1.5 juta. Selain itu, RM800,000 diperuntukkan untuk menaik taraf lampu di taman perumahan dan RM100,000 untuk membaik pulih pondok bas.

Mazalan berkata, MBSA juga menumpukan usaha melahirkan masyarakat sihat dan cergas dengan memperuntukkan RM400,000 untuk menaik taraf kemudahan awam di Tasik Seksyen 7, RM100,000 untuk naik taraf Taman Sukan Lasak dan RM900,000 untuk membina gelanggang futsal sekitar bandar raya itu. Katanya, MBSA juga menerima cadangan Ahli Majlis yang akan dibawa kepada kerajaan negeri termasuk menyerahkan Stadium Shah Alam kepada kerajaan negeri untuk diselenggara dan meminta peruntukan tambahan untuk menguruskan bangunan milik kerajaan negeri.

8/11/2008 (Sabtu)

Sentral: Fasa pertama Empangan Triang lancar

Oleh Mohd Amin Jalil

Kerajaan negeri puas hati pembinaan projek bekul air bersih RM125 juta ikut jadual

KUALA KLAUANG: Kerajaan negeri berpuas hati terhadap pelaksanaan fasa pertama projek pembinaan Empangan Triang, di sini yang membabitkan kerja menggerudi dan membina terowong pemindahan serta penyaluran air sejauh 12.5 kilometer dari Kampung Jambatan Serong, di sini hingga Ngoi-Ngoi, Pantai, dekat Seremban.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Air, Tenaga dan Telekomunikasi negeri, Datuk Ismail Lasim, berkata pihaknya yakin projek fasa pertama empangan itu yang bernilai kira-kira RM125 juta akan dapat disiapkan pada 2010 seperti disasarkan.

Katanya, kerja menggerudi yang dijalankan oleh kontraktor, Zecon Water Corporation Sdn Bhd di bahagian Kampung Jambatan Serong sudah siap dan hanya tinggal di bahagian Ngoi-Ngoi, Pantai yang dijadual siap tahun depan.

"Berdasarkan pelan pelaksanaannya, selain kerja menggerudi dan membina terowong penyaluran bergaris pusat 3.5 meter x 12.5 meter panjang, fasa pertama projek itu juga turut mencakupi pembinaan beberapa komponen Empangan Sungai Triang setinggi 66 meter, membina jalan masuk sejauh 7.5 kilometer dan sebuah muka sauk (intake) serta stesen pengepam air mentah di Petaseh.

"Berpandukan maklumat yang diberikan kontraktor, projek fasa pertama ini akan dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada 2010 bagi menampung bekalan air bersih kepada penduduk daerah Seremban dan Port Dickson sekali gus mengelakkan krisis bekalan yang dihadapi sebelum ini berulang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat perkembangan projek itu, di sini yang turut dihadiri Pemangku Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS), Zulkifli Ibrahim.

Ismail berkata, projek pembinaan empangan itu yang membabitkan kos keseluruhan kira-kira RM850 juta akan dilaksanakan dalam empat fasa bagi menyokong fungsi Empangan Sungai Terip yang menjadi punca utama bekalan air daerah Seremban.

8/11/2008 (Sabtu)

Sabah & Sarawak: 12 empangan baru tetap dibina

Laporan Matzidi Dris dan Norma Mullie bhnews@bharian.com.my

Projek bagi penuhi permintaan tenaga elektrik dari dalam, luar negara

KUCHING: Kerajaan tetap akan meneruskan projek pembinaan 12 empangan elektrik hidro di negeri ini termasuk projek empangan hidro elektrik Murun, bagi memenuhi permintaan pasaran tenaga dalam dan luar negara yang sentiasa meningkat.

Menteri Muda Kemudahan Awam, Sylvester Entri Muran, berkata keperluan penjanaan elektrik dunia dijangka meningkat dua kali ganda daripada 17.3 trilion kilowatt setiap jam (kWh) pada 2005 kepada 33.3 trilion kWh menjelang 2030. Katanya, Malaysia dan Sarawak menggunakan 0.08 trilion kWh dan 0.004 trilion kWh masing-masing iaitu mewakili purata pertumbuhan 2.6 peratus setahun.

"Maknanya terdapat hubungan yang kuat antara pertumbuhan ekonomi dengan permintaan terhadap tenaga elektrik," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam. Dalam kes Sarawak kata beliau, purata pertumbuhan penggunaan tenaga elektrik adalah enam

peratus setahun memandangkan sektor ekonomi di negeri ini masih di peringkat membangun. "Kita juga perlu ingat penggunaan tenaga daripada asas fosil akan menyumbang kepada pembebasan gas rumah hijau," katanya.

Justeru, Entri berkata, bentuk sumber tenaga yang mempunyai impak minimum kepada alam sekitar seperti nuklear dan yang boleh diperbaharui seperti hidro, telah dirancang serta dibangunkan bagi memenuhi permintaan tenaga berskala besar.

Beliau berkata, permintaan terhadap tenaga menjelang 2020 di negeri ini adalah kira-kira 9,000 megawatt dan kapasiti pemasangan kira-kira 10,400 megawatt bagi memenuhi permintaan selain untuk dieksport ke Sabah. Katanya, industri-industri insentif di kawasan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score) akan meningkatkan lagi permintaan terhadap tenaga elektrik.

8/11/2008 (Sabtu)

JPA digesa kaji fungsi lembaga tatatertib

KUALA LUMPUR: Cuepacs yang tidak berpuas hati dengan Lembaga Tatatertib Kakitangan Awam mahu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji semula fungsi lembaga itu yang didakwa tidak adil ketika membuat keputusan membabitkan kesalahan tatatertib kakitangan kerajaan.

Presidennya, Omar Osman berkata lembaga itu harus memanggil dan mendengar rayuan kakitangan awam yang didakwa melakukan kesalahan sebelum mengambil tindakan tatatertib. Omar mendakwa, kini anggota sektor awam yang dituduh melakukan kesalahan, perlu menjawab surat tunjuk sebab diberikan majikan dalam tempoh 21 hari tanpa dibicarakan. "Ini tidak adil kerana sesetengah kesalahan tidak boleh dijelaskan melalui surat, perlu bersemuka dengan panel lembaga baru boleh terangkan," katanya semalam selepas mendapat banyak aduan daripada ahli Cuepacs berhubung fungsi lembaga itu.

Beliau mendakwa, lembaga berkenaan hanya melayan surat yang dijawab dalam tempoh ditetapkan sebelum mengambil tindakan berdasarkan jawapan kakitangan awam berkenaan. "Lembaga itu seharusnya memanggil terlebih dulu mereka yang didakwa melakukan kesalahan dan dengar penjelasan mereka. Kita tidak boleh mengadili dengan hanya sekeping surat," katanya.

Omar berkata, Cuepacs mahu lembaga berkenaan membicarakan sesuatu kes terlebih dulu sebelum mengambil tindakan. "Kita dapat tahu banyak anggota sektor awam dibuang kerja tanpa dibicarakan. Ini sungguh tidak adil. Kita berharap JPA melihat perkara ini secara serius," dakwanya.

Omar berkata, perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Kongres Cuepacs yang bakal berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada 13 November ini selama tiga hari. "Pada mesyuarat itu, kita akan membuat keputusan bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini," katanya.

8/11/2008 (Sabtu)

ATM tangguh ganti kereta perisai Condor, Sibmas



MUHAMMAD ISMAIL merasmikan majlis pecah tanah pembinaan Kompleks Kolej Tentera Darat (KTD), di Kem Segenting, Port Dickson, semalam.

Krisis kewangan jejas beli kenderaan tempur hingga RMK-10

PORT DICKSON: Tentera Darat menangguhkan program menggantikan kereta perisai jenis Condor dan Sibmas miliknya berikutan krisis kewangan dunia serta kekangan dana walaupun ia tidak lagi ekonomik, terutama dari segi penyelenggaraan yang memerlukan belanja besar.

Panglimanya, Jeneral Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin, berkata program itu tergendala kerana kekurangan peruntukan yang sepatutnya dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan mungkin ditangguhkan sehingga RMK-10. Beliau mengakui kedua-dua jenis kereta perisai itu sudah mencapai jangka hayat yang menyebabkannya tidak lagi ekonomik untuk dibaik pulih atau diselenggara.

"Kita merancang untuk menukar kenderaan terbabit, tetapi ia tergendala sedikit kerana tidak cukup peruntukan," katanya, pada sidang media selepas merasmikan majlis pecah tanah pembinaan Kompleks Kolej Tentera Darat (KTD), di Kem Segenting, di sini, semalam.

Muhammad Ismail berkata, perbelanjaan besar untuk menyelenggara juga mendorong Tentera Darat membaikpulih hanya sebahagian dari 184 kereta perisai Sibmas dan 460 jenis Condor, manakala bakinya akan digunakan sebagai sumber alat ganti.

Pembelian kereta perisai Sibmas pada 1980-an menimbulkan kontroversi kerana penggunaannya sebagai kenderaan bantuan tembakan didapati tidak begitu praktikal. Malaysia satu-satunya negara pengguna Sibmas yang dibuat di Belgium.

Condor pula dikatakan semakin tidak sesuai dalam peperangan moden hari ini disebabkan perisai kenderaan itu agak nipis dan gagal mengekang tembakan dari roket seperti yang pernah berlaku ketika peristiwa di Pasar Bakaara, Somalia, pada Oktober 1993, apabila beberapa kereta perisai Condor Malaysia musnah dan seorang pemandunya terbunuh.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Ismail menolak tuduhan kononnya Tentera Darat masih gagal membekalkan jaket kalis peluru kepada anggota infantrinya sebagai peralatan standard, sebaliknya pengurusan logistik pasukan sudah membeli alat perlindungan yang sesuai.

"Dakwaan itu tidak berasas sama sekali kerana kita ada alat perlindungan, tetapi atas sebab kerahsiaan kita tidak boleh dedahkan jenis jaket perisai yang dibeli... cukuplah saya katakan ia dari jenis yang tidak kurang hebat dari jenis 3A (mampu menghentikan peluru 9mm dan tembakan senjata api kecil).

"Bagaimanapun, buat masa sekarang tidak semua unit dibekalkan jaket itu... kita hanya bekalkan kepada anggota pasukan tempur dan mereka yang menyertai pengaman di bawah bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti di Lubnan," katanya.

9/11/2008 (Ahad) - Rencana

Soal Jawab: Pakej RM7b jana pertumbuhan domestik

RABU lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pakej rangsangan bernilai RM7 bilion bertujuan mengukuhkan daya tahan serta mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar. Wartawan Berita Minggu, Kamarulzaidi Kamis dan Ahmad Farizat Hajat mendapatkan pandangan Pengarah Institut Pembangunan Malaysia (MDI) yang juga Ahli Majlis Ekonomi Kebangsaan, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali mengenai kesannya kepada rakyat.

BAGAIMANAKAH rangsangan itu dapat menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia di tengah-tengah persekitaran kelembapan ekonomi global.

Suasana global kini sebenarnya dengan sendiri akan menyaksikan sumber pelaburan asing lebih terhad. Sebahagian besar modal asing datangnya dari negara maju dan bila berlaku krisis kredit di negara berkenaan, ia akan mengurangkan sumber pelaburan itu. Dalam konteks ini, persaingan semakin tinggi. Oleh itu, kerajaan mesti menumpukan kepada elemen yang benar-benar menjadi tarikan kepada mereka. Dalam pakej baru itu, ada beberapa cadangan yang menjurus ke arah itu, misalnya tindakan kerajaan memansuhkan peraturan yang menyebabkan kos perniagaan lebih tinggi. Ini amat menarik.

Keduanya, kelonggaran membawa masuk pekerja mahir asing dan ia membolehkan mobiliti di kalangan mereka. Kita lihat ia juga dilaksanakan seiring dengan penubuhan dana pelaburan

sebagai insentif dari segi kewangan. Ini dijangka memberi impak besar kerana mobiliti tenaga mahir penting dalam k-ekonomi.

Dalam persekitaran sebegini, adakah tumpuan aliran pelaburan dan perdagangan juga harus diubah.

Lima tahun lalu, kita dapati kemunculan kuasa ekonomi baru iaitu India, China dan Asia Barat yang menyebabkan berlakunya satu pemindahan dari segi penumpuan pertumbuhan ekonomi dunia. Walaupun buat masa ini teori decoupling (pemisahan) masih belum berlaku dalam 20 hingga 30 tahun lagi, ia akan terjadi dan krisis yang berlaku kini akan mempercepatkan proses itu kerana kini kita cuba memindahkan fokus dari negara Barat ke Asia.

Sekarang adalah masa untuk menukar penumpuan kita daripada negara Barat kepada Asia Timur, sama ada dari segi pelaburan dan juga perdagangan. Sebenarnya, kita agak terleka dalam perkara ini kerana kita sudah lama ada hubungan baik dengan negara rantau ini.

Kebanyakan pakej rangsangan yang diumumkan Datuk Seri Najib lebih menjurus dalam sektor hartanah, apa pandangan Prof.

Sektor hartanah ini banyak kesan pengganda yang tinggi dan bersifat kekal kerana hartanah tidak boleh dipindahkan keluar. Secara tidak langsung ia akan mewujudkan kesan pengganda dan merangsang perkembangan aktiviti hiliran.

Keadaan semasa berbeza dengan krisis 1997 lalu, yang mana ketika itu ekonomi Malaysia lembap, tetapi ekonomi Amerika Syarikat dan Eropah kukuh, jadi bererti kita boleh menumpukan kepada eksport. Bagaimanapun, hari ini ekonomi dunia yang lembap, fokus juga harus ditumpukan kepada menjana pertumbuhan sektor domestik, jadi ia sesuai dengan keadaan semasa.

Selain memberi tumpuan dalam sektor hartanah, kerajaan juga tidak lupa keadaan rakyat dalam meningkatkan kuasa beli dan kemampuan mereka, pandangan Prof.

Sudah diketahui pertumbuhan ekonomi akan menjadi lembap. Dalam keadaan ini, kemampuan untuk meningkatkan pendapatan individu agak sukar – kerana jika ekonomi lembap, lazimnya firma tidak mampu mencatat keuntungan, sekali gus mengehadkan peningkatan atau menjejaskan pendapatan individu. Potensi pendapatan individu tidak meningkat itu adalah besar.

Bagi menangani perkara ini, satu cara adalah kita kena kurangkan potongan mandatori, misalnya KWSP bagi membolehkan ruang perbelanjaan itu besar.

Bagaimana pula jika timbul isu kecenderungan pengguna untuk tidak berbelanja, walaupun pendapatan boleh guna meningkat.

Dalam keadaan ekonomi lembap, pengguna lazimnya tidak cenderung untuk berbelanja, walaupun peningkatan boleh gunanya meningkat. Mereka akan lebih suka menabung. Oleh demikian, dasar harus ditumpu kepada pendekatan untuk merangsang perbelanjaan.

Dalam pakej baru itu, kita lihat antara langkah digariskan adalah melanjutkan masa perniagaan pasar raya besar. Selain itu, baru-baru ini kempen Jualan Penjimatan Mega dilancarkan. Perkara sebegini akan mewujudkan persekitaran berbelanja. Saya berharap kerajaan akan memperkenalkan lebih banyak lagi pendekatan seperti ini khususnya dalam bidang pelancongan domestik.

Dalam keadaan ekonomi lembap, pengguna akan mengurangkan perbelanjaan mewah, namun pelancongan adalah aktiviti riadah yang diperlukan manusia. Kita fokus kepada domestik khususnya ketika cuti sekolah akan datang. Kaedahnya juga ada pelbagai, misalnya kerajaan boleh melanjutkan cuti kakitangan awam bagi mewujudkan persekitaran untuk mereka pergi melancong.

Rangsangan dari segi pendapatan sudah diberikan dan jika rangsangan dari segi persekitaran juga ditambah, maka ia akan lebih berkesan.

Adakah akan timbul isu caruman KWSP dikurangkan akan memberi kesan buruk jangka panjang.

Ini adalah langkah jangka pendek dan dibuat secara sukarela, cuma dalam tempoh dua tahun. Dari segi ekonomi, tabungan dianggap sebagai kebocoran kerana di sebalik menabung adalah berbelanja. Jika mereka memilih untuk menabung, elemen lain yang perlu kita lihat adalah kesanggupan institusi kewangan memberi pinjaman kerana rakyat secara umumnya akan menabung dalam bank.

Apa yang institusi kewangan buat dengan simpanan itu perlu diberi perhatian. Jika bank mengumpulkan wang itu tanpa memberi pinjaman, itu akan menimbulkan masalah. Oleh itu, kerajaan juga inginkan bank terus memberi pinjaman.

Wujud isu di mana bank ketika ini lebih berhati-hati dalam memberi pinjaman sepanjang tempoh kelembapan ekonomi, apa komen Prof.

Ini lazim berlaku, bank akan lebih bersifat pesimis dalam keadaan sebegini. Kelebihan kita dalam krisis kali ini adalah sistem perbankan kita tidak bermasalah. Tahap modal institusi kewangan kita kekal kukuh dan jumlah hutang tidak dibayar (NPL) juga rendah.

Bank secara lazimnya memang bersifat berhati-hati, memang mereka patut berbuat demikian – jika mereka tak berhati-hati tidak bagus, tetapi tidaklah sehingga mereka mencatu kredit sehingga merencatkan pertumbuhan ekonomi.

Adakah suntikan RM7 bilion itu mencukupi.

Berdasarkan kajian yang saya lakukan. Kesan penggandaan adalah tiga kali ganda, bermakna setiap ringgit yang dibelanjakan kerajaan akan mewujudkan RM3 dalam ekonomi. Jadi jika RM7 bilion, maka ia dijangka memberi kesan pengganda sehingga RM21 bilion atau pertumbuhan tambahan sebanyak satu hingga dua peratus. Itu jika tidak ada apa-apa halangan, apa kata jika ada yang menghalang kesan gandaan itu daripada berlaku.

Dua faktor yang boleh menjejaskan kesan ini. Pertama, pelaksanaan sesuatu projek; kedua mengepuk wang atau 'hoarding' (simpan wang secara bersendirian tanpa memasukkan semula dalam sistem kewangan); ketiga, menyimpan wang dalam bank dan institusi kewangan itu tidak memberi pinjaman dan keempat, pendapatan dibelanjakan membeli barang import. Perkara itu tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Pada pandangan Prof, dalam merangsang lagi kegiatan perbelanjaan domestik di tengah-tengah kelembapan ekonomi global, apakah langkah susulan yang perlu diambil kerajaan, terutama kumpulan penggubal dasar.

Pada pandangan saya, Bank Negara Malaysia (BNM), harus mempertimbangkan mengenai keperluan dan kesesuaian untuk menguruskan kadar faedah dalam suasana kesederhanaan inflasi ketika ini.

Langkah itu penting dan perlu difikirkan ketika ini kerana kadar faedah 3.5 peratus dalam persekitaran sekarang adalah satu peratusan yang agak tinggi.

Jadi BNM harus memasukkan pertimbangan ini (mengurangkan kadar faedah) di dalam menu (apabila mengadakan Mesyuarat Dasar Monetori) mereka. Mungkin ada kriteria tertentu yang BNM akan lihat, tetapi pada masa sekarang, mengurangkan kadar faedah adalah langkah terbaik dalam merangsang lagi aktiviti perbelanjaan di kalangan rakyat.

Berbeza dengan kaedah fiskal (pakej rangsangan yang dibentangkan akan mengambil masa untuk melihat hasilnya), tetapi kaedah kewangan (sebagai contoh menurunkan kadar faedah), apabila kita laksanakan hari ini, kita akan dapat melihat kesannya esok... sangat cepat. **Dari segi bantuan kepada rakyat, kebanyakan langkah yang diperkenalkan kerajaan memang bermaksud membantu rakyat, terutama sekali kumpulan golongan miskin, ibu tunggal dan orang kurang upaya sudah berjaya dilaksanakan. Bagaimana pula dengan golongan menengah yang dilihat menerima kesan daripada kelembapan ekonomi dan apakah langkah sesuai yang perlu diambil.**

Antara langkah lain yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan segera oleh kerajaan ketika ini adalah mengukuhkan sistem jaringan sosial. Sebenarnya di Malaysia, kita belum ada jabatan atau unit rasmi yang menguruskan situasi ini (jaringan keselamatan sosial). Kita ada, tetapi ia tidak betul-betul wujud bagi menangani permasalahan ini.

Jaringan keselamatan sosial ini adalah merujuk kepada bantuan kepada kumpulan yang tidak tergolong dalam kumpulan miskin, tapi terdedah kepada perubahan dalam persekitaran

ekonomi semasa, contohnya kemelesetan ekonomi dan kenaikan kos sara hidup akibat yang mana berlaku di luar kuasa mereka. Sebagai contoh, apabila kerajaan berjaya menurunkan kadar kemiskinan dalam 70-an (lebih kurang 50 peratus), mana perginya orang ini, mereka kini sudah masuk ke dalam kumpulan berpendapatan menengah rendah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Mereka ini tidak mendapat manfaat dari segi imbuhan atau bantuan kemiskinan kerana mereka berada di atas garisan kemiskinan. Tetapi, mereka ini terlalu sensitif kepada persekitaran ekonomi. Jika seorang pekerja kilang yang berpendapatan RM1,500 dan kini berhadapan dengan keadaan yang mana operasi kilangnya terpaksa dikurangkan akan memaksa gaji bulanan kurang ke paras RM1,000, akibatnya, mereka akan hidup susah dan menghadapi kesukaran dalam meneruskan kehidupan hariannya.

Jadi, institusi atau jabatan mana yang perlu bertindak sebagai jaring penyelamat bagi membantu individu atau kumpulan ini? Perkara ini kita belum ada lagi di Malaysia.

Apa yang perlu dilakukan sekarang.

Bagi saya, kerajaan perlu menginstitusikan jaringan keselamatan ini. Dia tidak boleh duduk merata-rata, kerana kita akan keliru antara pakej kebajikan dan kemiskinan dengan jaringan keselamatan sosial. Sekarang adalah masa sesuai bagi kerajaan mempertimbangkan untuk menginstitusikan jaringan keselamatan sosial.

Dalam bajet sudah disebutkan, tetapi bagi saya ia masih berbentuk ad-hoc ataupun yang tidak diinstitusikan. Cadangan ini penting kerana, peratusan besar dalam golongan isi rumah di Malaysia adalah kumpulan ini. Kumpulan menengah rendah ini sangat sensitif terhadap perubahan persekitaran ekonomi dan mereka perlu diberi bantuan segera dalam menjana kembali kuasa membeli mereka.

Mereka kini berada dalam 'jurang tersembunyi', tidak dapat bantuan serta sokongan daripada mana-mana pihak. Kita mungkin nampak mereka ini okey, ada motosikal satu, ada rumah dua bilik, tapi sebenarnya, mereka ini sangat sensitif kepada perubahan keadaan ekonomi, sama ada dari segi pendapatan atau peningkatan kos sara hidup. Apabila berlaku peningkatan kos, dengan tiba-tiba pendapatan individu ini yang dulunya mencukupi kini tidak cukup.

Bermakna langkah ini seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat (AS).

Jika di Amerika Syarikat, kita tahu, jika ada individu yang tidak bekerja saja (disebabkan oleh majikan yang berhadapan dengan masalah kewangan), wujud sistem yang boleh membantu mereka. Contoh terbaik adalah masalah yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini, apabila syarikat asing hendak tutup... pekerjaanya terpaksa mengangkat sepanduk mengadu masalah mereka. Di Malaysia, kita belum ada jaringan keselamatan sosial. Sepatutnya, jika sesebuah syarikat mahu menutup operasi, itu keputusan peribadi kerana mereka juga perlu fikirkan untung rugi syarikat.

Jadi, bagi saya, kita perlu bersedia dalam menghadapi permasalahan seperti ini. Apabila kita bergantung pada modal asing yang banyak, terutama sekali dalam keadaan persekitaran ekonomi sekarang, timbul permasalahan di mana siapa yang bertanggungjawab menangani isu ini?

Itulah yang terjadi di Pulau Pinang, saling tuduh menuduh antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Tapi, golongan itu terbiar, mereka ada tanggungjawab untuk bayar sewa, pinjaman kereta, keluarga dan sebagainya... bagaimana dengan hidup mereka?

Dulu, mereka bukan berada dalam kumpulan miskin, tetapi dengan permasalahan ini, mereka kini mungkin jadi miskin, siapa yang akan menyambut mereka? . Patutnya kerajaan kena reka mekanisme secara institusi di mana mereka ini ada tempat untuk ditujui apabila berlaku permasalahan ini. Bagi saya perlu wujud jabatan jaringan keselamatan sosial yang memberi fokus bukan kepada golongan orang kurang upaya, orang tua dan orang miskin tegar, tetapi fokus kepada golongan ini saja.

10/11/2008 (Isnin)

Kontraktor kelas F tidak minat rumah kos rendah

Oleh Shamsul Kamal Amarudin bhnews@bharian.com.my

IPOH: Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Azian Osman kecewa kerana ramai kontraktor kelas F tidak berminat untuk merebut peluang projek pembinaan khususnya perumahan kos rendah yang dilaksanakan agensi berkenaan. Beliau berkata, sebahagian besar mereka enggan mengambil bahagian dalam projek yang dimajukan SPNB kerana mendakwa keuntungan diperoleh amat sedikit.

"Masalah dihadapi sekarang ialah kontraktor ini sudah biasa dengan keuntungan besar hasil daripada projek dengan agensi lain. Projek dengan SPNB bukan tidak untung tetapi keuntungannya kecil, jadi mereka tidak berminat.

"Justeru, saya berharap mereka tidak memikirkan keuntungan besar semata-mata sebaliknya dapat memberikan sedikit sumbangan dalam khidmat sosial dengan sama-sama membina rumah mampu milik untuk rakyat miskin, yang ditimpa bencana serta mengambil alih dan menyiapkan projek terbengkalai," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Ipoh Timur di sini semalam, Azian yang juga Ketua Umno Ipoh Timur, berkata kerajaan juga sudah mengambil beberapa langkah termasuk menaikkan harga jualan rumah agar kontraktor mendapat keuntungan lebih berbanding sebelum ini.

Beliau juga mengaku menerima aduan dan rungutan daripada beberapa pihak yang mendakwa SPNB lambat menyiapkan semula projek perumahan terbengkalai yang diambil alihnya. Katanya, kelewatan itu bukan disengajakan tetapi ia kerana agensi berkenaan terpaksa menguruskan semula semua dokumen berkaitan projek terbabit selain perlu mendapatkan persetujuan lebih 70 peratus pembeli asal rumah terbabit.

"Faktor ini yang mengambil masa lama kerana proses awalan yang terpaksa dilakukan semula dengan membabitkan pemaju asal, arkitek, perunding, peguam dan pihak lain berkaitan. "Selain itu, proses untuk mendapatkan persetujuan pembeli juga mengambil masa kerana peraturan menetapkan mesti mendapatkan peratusan ditetapkan itu. Jika hanya dapat persetujuan 50 peratus pembeli, masih tidak boleh memulakan projek membaik pulih itu," katanya.

Azian berkata, walaupun negara dijangka mengalami kemelesetan ekonomi tahun depan kesan krisis ekonomi global, syarikat itu tetap dengan komitmennya membina rumah mampu milik untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah.

10/11/2008 (Isnin)

Kajian impak sosial, politik perlu dalam pelan pembangunan

Oleh Nor Azma Laila norazma@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia dalam usaha mencapai status negara maju tidak harus menumpukan perhatian kepada pembangunan fizikal dan pertumbuhan ekonomi saja, sebaliknya turut memberi tumpuan kepada impak sosial dan politiknya.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, bertitah kajian impak sosial dan politik perlu disepadukan dalam pelan induk pembangunan fizikal dan ekonomi supaya perancangan pembangunan negara tidak terbatas kepada penilaian berasaskan angka pertumbuhan ekonomi semata-mata.

"Jika impak sosial dan politik disisihkan, adalah dibimbangi negara dan rakyat perlu membayar kos pembangunan dengan harga sosial dan harga politik yang tinggi. "Badan bukan kerajaan (NGO) perlu ke hadapan berperanan aktif, bersuara secara tegas, menyampaikan pendirian untuk memastikan program pembangunan negara dilaksanakan secara lebih seimbang," titah baginda merasmikan majlis sambutan Hari Diabetes Sedunia dan ulang tahun ke-25 Persatuan Diabetes Malaysia di sini, semalam.

Raja Nazrin bertitah, NGO sewajarnya mengambil langkah aktif membantu negara mengurangkan perbelanjaan kesihatan dan perubatan melalui pelbagai program pencegahan serta pendidikan yang lebih berkesan, mudah difahami dan dihayati rakyat.

“Indeks kesihatan rakyat adalah antara pengukur tahap kemajuan sesebuah negara dan Malaysia amat berbangga dengan pencapaian pembangunan prasarana fizikal terbaik, memiliki menara tinggi, lapangan terbang antara yang terbesar, jambatan terpanjang dan pelbagai senarai pencapaian yang membanggakan. “Kejayaan fizikal ini perlu diimbangkan dengan pembangunan selari komponen perisian, antaranya tahap kesihatan warganya dan perkara lain yang berkaitan,” titah baginda.

Baginda bertitah, pembangunan prasarana, industri, ekonomi dan komersial tidak perlu dikorbankan dengan kos kesejahteraan hidup dan kesihatan rakyat. “Adalah janggal dan tempang kepada karakter sesebuah negara apabila berlakunya ketidakseimbangan antara pencapaian positif indeks pertumbuhan ekonomi, perdagangan dan pembangunan prasarana, sedangkan kualiti alam sekitar, pencemaran, kebersihan udara dan air, kesihatan serta kesejahteraan warga menunjukkan indeks negatif.

“Negara ketika ini kelihatan menghadapi satu keadaan ketidakseimbangan dari segi perbelanjaan yang diperuntukkan kepada program kesihatan berbanding dengan pulangan hasil dari sudut keberkesanannya,” titah baginda.

Raja Nazrin bertitah, dalam setiap Rancangan Lima Tahun Pembangunan Malaysia, peruntukan kewangan untuk program kesihatan terus bertambah pada setiap tahun. “Keadaan ini tentunya mengalih sumber kewangan negara dari digunakan bagi membiayai perbelanjaan keperluan sosial lain yang lebih produktif,” titah baginda.

Baginda Nazrin juga bimbang dengan kadar penghidap diabetes di Malaysia di mana 14 peratus daripada penduduk dewasa disahkan menghidap penyakit itu.

“Kebanyakan pesakit ini terdiri daripada mereka yang bermastautin di kawasan luar bandar, berpendidikan rendah, rakyat miskin dan amat memerlukan bantuan pendidikan kesihatan mengenai kaedah untuk mengawal penyakit.

10/11/2008 (Isnin)

Sistem permohonan visa menyusahkan pengguna

LAPORAN Berita Harian 5 November lalu bertajuk 'Malaysia minta pengesahan London', sepatutnya membuka mata pihak tertentu seperti Kementerian Dalam Negeri agar tidak terlalu mengikut telunjuk kerajaan British terhadap penguatkuasaan sistem visa ke negara terbabit.

Malaysia adalah salah sebuah negara yang banyak memberi sumbangan ekonomi terhadap pendapatan negara itu berdasarkan bilangan pelajar kita di bawah tajaan Kementerian Pengajian Tinggi yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran (PhD).

Pihak Britain sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan Malaysia di atas sumbangan secara tidak langsung negara ini terhadap sumber pendapatan negara berkenaan dan perlu bersikap 'menang-menang' dalam menangani visa rakyat Malaysia terutama pelajar. Dulu, banyak kes penganiayaan visa berlaku ke atas rakyat Malaysia yang belajar di Amerika Syarikat. Namun, disebabkan polisi kerajaan pada masa itu yang bersikap sangat tegas dan cuba menarik semula kesemua pelajar tajaan ke Amerika Syarikat, perkara sedemikian terus membuka mata Amerika Syarikat untuk lebih mengamalkan sikap toleransi terhadap Malaysia.

Kenyataan ini bukanlah untuk membandingkan mana-mana pihak, tetapi walaupun pucuk pemerintahan negara ini mempunyai cara toleransi yang berbeza-beza, amalan yang berkesan sepatutnya diamalkan tanpa bersikap prejudis. Mungkin tidak ramai di kalangan rakyat kita pernah melayari laman web <http://www.vfs-uk-my.com/applying.aspx> yang pada dasarnya memaparkan maklumat yang dianggap perlu diketahui oleh pemohon visa ke UK. Namun, apabila diteliti dengan lebih terperinci, laman web terbabit tidak mematuhi ciri-ciri asas kebolegunaan sistem iaitu sifat semula jadi, konsisten, relevan, menyokong pengguna dan keanjalan.

Sistem permohonan visa yang sedia ada bukan saja menyusahkan pengguna terutama pelajar yang baru pertama kali ingin memohon ke luar negara, malah menyebabkan kerugian wang ringgit kerana kesilapan mengisi borang permohonan secara online.

Ini juga menyebabkan kehilangan peluang untuk melanjutkan pengajian ke negara terbabit pada masa yang sepatutnya. Bukan itu saja, komunikasi satu hala yang berlaku di antara pemohon dan 'entry clearance officer' adalah sangat tidak wajar kerana pemohon biasanya tertanya-tanya di mana mereka berada, bagaimana untuk menyelesaikan masalah, apa yang sedang berlaku, ke mana mereka ingin pergi selepas sesuatu berlaku, bagaimana untuk sampai ke objektif yang ingin dicapai dan apa yang boleh dilakukan.

Berdasarkan aplikasi online yang dikatakan lebih cepat, laman web itu tidak mematuhi syarat asas pembangunan laman web malah ia adalah suatu penganiayaan pengguna dan manipulasi teknologi maklumat. Selain itu, perkhidmatan telefon untuk memohon visa sangat mendukacitakan kerana kebanyakan panggilan hanya akan masuk ke peti suara atau mesin yang meminta pengguna kembali ke laman web. Adakalanya pengguna ingin bertanya apakah yang dimaksudkan dengan soalan yang tertera pada laman web.

Perkhidmatan telefon sepatutnya boleh membantu persoalan yang tidak dapat diselesaikan oleh laman web atau lebih bersikap 'hands-on'. Namun, apa yang menyedihkan, pengguna terpaksa membayar lebih wang untuk mendapatkan visa, lebih kerja untuk memahami syarat visa serta mengisi borang atas talian, lebih terdedah kepada membuat kesilapan yang seterusnya menyebabkan proses permohonan visa dilakukan semula atau lebih mendukacitakan, kerana kesilapan satu klik, pemohon di 'refuse entry' selama 10 tahun.

PENSYARAH LAMAN WEB, IPTA, Sabah.

11/11/2008 (Selasa)

Utara: Rayu kerajaan turap jalan

Oleh Safuri Kamarudin bhnews@bharian.com.my



PENDUDUK Kampung Tengah Ulu Tawar, Baling minta jalan diturap segera.

Penduduk dakwa laluan seperti ketika negara belum merdeka

BALING: Lebih 70 penduduk daripada 12 keluarga di Kampung Tengah, Ulu Tawar, di sini, merayu kerajaan menurap jalan sepanjang dua kilometer di situ demi keselesaan mereka menjalankan kegiatan harian.

Penduduk mendakwa walaupun sudah tinggal di kampung itu sejak lebih 20 tahun lalu, keadaan jalan di kawasan berkenaan amat menyedihkan seperti ketika negara belum merdeka apabila mereka terpaksa mengharungi lopak dan becak pada musim hujan, manakala ketika panas pula laluan di situ berdebu.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Pusat (JKKKP), Abdul Hamid Yassin, 55, berkata pihaknya sudah beberapa kali mengemukakan permohonan untuk menurap jalan itu, termasuk kepada Pejabat Daerah Baling dan wakil rakyat, tetapi belum mendapat perhatian.

"Inilah laluan utama penduduk di sini untuk keluar masuk dan walaupun keadaannya amat teruk kami tidak mempunyai pilihan. "Dalam keadaan negara yang sudah 51 tahun merdeka kemudahan jalan raya di kampung sepatutnya sudah mencapai tahap lebih baik, bukannya berlokap seperti di kampung ini.

"Saya amat berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah memberi perhatian kepada masalah penduduk di sini supaya kami tidak terpinggir daripada arus pembangunan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, keadaan jalan yang teruk itu juga menyulitkan penduduk yang kebanyakannya petani membawa keluar hasil pertanian mereka untuk dipasarkan. Katanya, sebelum ini ada

pihak yang datang mengukur jalan dan mengambil gambar dengan alasan untuk menaikkan taraf jalan di situ, tetapi masih tiada berita gembira walaupun sudah beberapa tahun berlalu.

Seorang penduduk, Radzi Md Saad, 39, berkata, ketika musim hujan sekarang keadaan jalan yang berlopak menyebabkan pengguna terutama yang menunggang motosikal terdedah kepada bahaya kerana licin. "Keadaan jalan yang teruk itu menyebabkan kami berasa malu apabila orang luar datang ke sini dan diharap kerajaan dapat menaikkan taraf kemudahan asas ini seberapa segera," katanya.

11/11/2008 (Selasa)

Pakej ekonomi RM7 bilion dimulakan suku pertama 2009

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, berkata pakej rangsangan ekonomi RM7 bilion yang diumumkan baru-baru ini akan dimulakan pada suku pertama tahun depan.

"Kita berharap pada suku pertama tahun depan, projek dalam pakej ini dapat dimulakan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Ekonomi Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Bangunan Parlimen semalam.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, satu unit khas akan diwujudkan di Kementerian Kewangan bagi memantau dan melaporkan kepada Menteri Kewangan perkembangan projek di bawah pakej rangsangan berkenaan. Katanya, kerajaan juga akan melaksanakan langkah liberalisasi terhadap sektor perkhidmatan bagi menjadikan negara ini lebih berdaya saing pada peringkat global, bertujuan menarik kemasukan lebih banyak pelaburan terus asing yang membabitkan sektor logistik dan perkhidmatan profesional.

"Mesyuarat bersetuju dalam keadaan ekonomi pada masa ini, beberapa langkah perubahan struktur perlu dilakukan untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif. "Antaranya mengamalkan dasar progresif liberalisasi dari semasa ke semasa dan langkah yang terbaru ialah perubahan liberalisasi dalam sektor perkhidmatan yang bakal diumumkan sedikit masa lagi. Langkah liberalisasi ini kita jangka akan meningkatkan pelaburan luar dalam sektor dan sub sektor tertentu," katanya.

Najib berkata, mesyuarat membincangkan tiga kertas kerja iaitu keadaan ekonomi negara dan dunia pada masa ini dan ramalan serta andaian untuk tahun depan serta pakej dan strategi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi lebih tinggi dan langkah perubahan struktur yang boleh dilakukan serta strategi menggalakkan pelaburan sektor swasta.

Selain itu, kerajaan perlu menentukan sumber pertumbuhan dan pendapatan baru dan menentukan bekalan tenaga pekerja mahir serta pekerja berpengetahuan untuk keperluan dalam negara termasuk di kawasan pembangunan koridor.

12/11/2008 (Rabu)

Timur: RM18.5 juta ambil alih tanah bina kompleks haji

Oleh Baharom Bakar bhkt@bharian.com.my

Pembinaan babitkan kawasan 10.1 hektar jadual mula tahun depan

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri dijangka membelanjakan RM18.5 juta bagi pengambilan balik tanah milik individu seluas 5.6 hektar untuk pembinaan Kompleks Tabung Haji Terengganu.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Penerangan negeri, Muhammad Ramli Nuh, berkata pembinaan Kompleks Tabung Haji itu dijangka membabitkan tanah seluas kira-kira 10.1 hektar termasuk tanah milik Tabung Haji dan kerajaan negeri.

Katanya, Pejabat Tanah Daerah Kuala Terengganu sudah mengenal pasti dan meluluskan tanah termasuk tanah milik kerajaan untuk pembinaan Kompleks Tabung Haji yang dijadual dimulakan tahun depan.

"Pengambilan balik tanah yang dikenal pasti itu akan dibawa ke mesyuarat Exco untuk mendapat kelulusan," katanya selepas mendengar taklimat persiapan terakhir dilakukan Tabung Haji negeri sempena keberangkatan bakal jemaah ke Tanah Suci melalui penerbangan terus dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) ke Madinah dan Makkah di Stadium Tertutup Gong Badak, di sini, semalam. Taklimat itu disampaikan Pengarah Tabung Haji negeri, Mohammad Mokhzani Mukhtar.

Stadium Tertutup Gong Badak dijadikan sebagai pusat pendaftaran sementara kira-kira 2,840 bakal jemaah dari Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk menunaikan rukun Islam kelima itu menerusi lapan penerbangan terus dari LTSM mulai esok hingga 25 November ini.

Muhammad Ramli yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tepuh berkata, peruntukan untuk pembinaan kompleks akan dibiayai sepenuhnya Tabung Haji dan kerajaan negeri hanya mengeluarkan peruntukan untuk pengambilan balik tanah milik individu.

Ketika mengulas perkembangan terkini di Tanah Suci, Muhammad Ramli berkata, bakal jemaah dinasihatkan membawa dan memakai penutup hidung bagi mengelak mengalami kesulitan bernafas berikutan kerja meroboh bangunan sekitar Masjidil Haram. Katanya, kerja merobohkan rumah di kawasan itu dilakukan untuk pelaksanaan projek pembesaran Masjidil Haram.

12/11/2008 (Rabu)

Sabah&Sarawak: RM60 juta dibelanja bina 600 RMR

Oleh Misiah Taib misiah@bharian.com.my

Pakej rangsangan ekonomi buka peluang bina banyak Rumah Mesra Rakyat

KUCHING: Kementerian Perumahan Sarawak merancang membina 600 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) membabitkan RM60 juta di beberapa lokasi dikenal pasti di seluruh Sarawak, kata Menteri, Datuk Amar Abang Johari Openg. Semua projek berkenaan akan dijayakan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Beliau berkata, pakej rangsangan ekonomi RM7 bilion yang secara terus memberi suntikan RM1.2 bilion kepada sektor perumahan bagi membina rumah kos rendah dan sederhana, selain RM200 juta untuk menggerakkan semula projek perumahan terbengkalai adalah satu perkembangan positif dalam sektor perumahan negara.

"Dengan suntikan dana berkenaan, kita berpeluang membina lebih banyak RMR di Sarawak. Kementerian juga sedang mengkaji supaya rumah pangsa tiga bilik yang sekarang disewa pada harga RM120 sebulan, dijual kepada mereka yang layak, manakala rumah pangsa dua bilik sepatutnya dijual RM29,000 akan disewa kepada yang layak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, semalam.

Abang Johari berkata, kerajaan dengan kerjasama SPNB sedang giat membina RMR yang dijual pada harga RM65,000 hingga RM80,000, berkeluasan sehingga 700 kaki persegi dengan dalam tempoh tiga tahun sebanyak 194 unit RMR dibina di Sarawak. Katanya, skim pinjaman yang selesa termasuk untuk mereka yang tiada pendapatan tetap juga disediakan bagi memudahkan orang ramai memiliki rumah sendiri. Mengenai projek perumahan terbengkalai beliau berkata, kementerian memandang serius masalah berkenaan dengan empat projek dilaporkan terbengkalai pada masa sekarang. "Tiga daripada projek berkenaan akan disambung pembinaannya oleh SPNB dan satu lagi masih dalam kajian SPNB," katanya.

12/11/2008 (Rabu)

PAC akan umum hasil siasatan isu Eurocopter

JAWATANKUASA Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengumumkan dua atau tiga hari lagi hasil soal siasat pembelian 12 helikopter Eurocopter EC725 Cougar berharga RM1.604 bilion oleh Kementerian Pertahanan.

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, semalam diasak Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) kerana belum mendedahkan hasil soal siasat walaupun pada 3 November lalu mengumumkan tidak mendapati sebarang penyelewengan dari segi prosedur.

Lim yang mencelah ketika Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2009, mengambil kesempatan menyindir Azmi sama ada beliau cuba 'bail out' Datuk Seri Najib Razak (bekas Menteri Pertahanan).

Walaupun isu dibangkitkan itu tiada kena mengena dengan penggulungan Nor Mohamed bagi kementerianannya, Azmi menegaskan laporan PAC yang bakal diedarkan minggu ini akan membuktikan tidak ada apa-apa untuk disorokkan. "Tak perlulah Ipoh Timur hentam saya, baca saja laporan itu nanti. Sejak dulu lagi Yang Berhormat hanya tahu tuduh bail out."

13/11/2008 (Khamis)

Sentral: Cadangan ganti paip ke Pulau Ketam

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail nazuri@bharian.com.my

PULAU KETAM: Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) bercadang menggantikan paip air sepanjang 1.5 kilometer di dasar laut Selat Melaka untuk mengatasi krisis bekalan air bersih di Pulau Ketam.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awamnya, Abdul Halem Mat Som, berkata sekurang-kurangnya dua minggu diperlukan untuk menyiapkan kerja menggantikan paip air itu jika mendapat kebenaran Lembaga Pelabuhan Klang. Katanya, kerja menggantikan paip air di dasar laut itu memerlukan kos yang tinggi tetapi ia perlu dilakukan kerana Syabas tiada pilihan selepas kerja mengesan dan membaiki paip air yang bocor sebelum ini gagal.

Khamis lalu, laluan kapal ke Pelabuhan Klang terpaksa ditutup lima jam bagi mengesan dan membaiki paip air bocor di situ, selepas ia dikenal pasti punca penduduk di Pulau Ketam berdepan krisis bekalan air bersih sejak 13 Oktober lalu. Kerja membaiki paip air yang bocor itu bagaimanapun gagal kerana tahap penglihatan di dasar laut yang tidak jelas dan penyelam tidak cukup masa untuk mengapungkan paip yang bocor ke permukaan laut seperti dirancang.

Abdul Halim berkata, laluan kapal ke Pelabuhan Klang terpaksa ditutup sekali lagi untuk sementara waktu jika kerja menggantikan paip di dasar laut diteruskan. "Kita memahami kesukaran yang dihadapi penduduk di Pulau Ketam dan kita akan cuba mempercepatkan kerja menggantikan paip air yang bocor ini," katanya.

Beliau berkata, Syabas mengalami kerugian besar akibat kejadian itu kerana terpaksa membelanjakan sebanyak RM800,000 untuk menyewa tiga bot bagi menghantar bekalan air bersih ke jeti feri setiap hari, tidak termasuk kerja pembaikan paip yang bocor.

13/11/2008 (Khamis)

Sentral: Melaka sedia tanah untuk tanam bakau

Oleh Amir Mamat amirapis@bharian.com.my

JASIN: Kerajaan Melaka menyediakan enam hektar tanah di dua kawasan di negeri ini, bagi tujuan penanaman pokok bakau pelbagai jenis untuk memastikan tanaman berkenaan sentiasa dipelihara daripada musnah akibat faktor cuaca dan perbuatan manusia.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata penyediaan tanah di Telok Mas dan Sungai Rambai itu adalah bagi membolehkan sebanyak 7,000 pokok ditanam pada peringkat awal, manakala kawasan lain yang berpotensi sedang dikenal pasti bagi tujuan sama.

Katanya, Jabatan Perhutanan negeri sudah diminta mencari kawasan pesisiran pantai sesuai di negeri ini yang boleh dijadikan tempat menanam dan membiakkan tanaman itu, sekali gus dapat mencegah daripada berlaku hakisan. Antara jenis pokok bakau yang boleh ditanam ialah pokok bakau minyak, bakau kurap, api-api, bitangor laut, rhu pantai, kelat jambu laut serta ketapang. "Kerajaan negeri mengambil berat mengenai perlunya memelihara dan menguruskan hutan bakau di sepanjang pesisiran pantai di negeri ini. Justeru, semua pihak perlu berusaha memuliharaanya, termasuk hutan paya laut dan paya bakau serta hutan jenis lain.

"Sejak program menanam dan memulihara hutan paya bakau dibuat tiga tahun lalu, saya sudah dapat melihat ia memberi faedah terhadap alam sekitar. Diharap, usaha berkenaan dapat diteruskan melalui aktiviti penanaman pokok itu dari semasa ke semasa," katanya ketika merasmikan Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 peringkat negeri di Anjung Batu, Umbai di Serkam, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Latiff Tamby Chik. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Desa negeri, Datuk Mohamad Hidhir Abu Hasan dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Serkam, Ghazale Muhamad.

Mohd Ali berkata, dalam pelaksanaan program penanaman pokok bakau dan spesis yang sesuai di persisiran pantai, kerajaan negeri amat mengalu-alukan pembabitkan semua lapisan masyarakat untuk mengambil bahagian secara aktif. Dalam masa sama, katanya, usaha meningkatkan tahap kesedaran di kalangan masyarakat awam dan komuniti setempat perlu diteruskan supaya mereka sentiasa peka dengan situasi semasa dan bersedia memberi sokongan serta kerjasama khususnya bagi projek yang dilaksanakan kerajaan.

13/11/2008 (Khamis)

Utara: MB mengaku terima laporan tanah diceroboh

KERAJAAN Perak mengakui menerima banyak laporan berhubung pencerobohan tanah milik kerajaan selepas Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan negeri Mac lalu, kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai yang sudah melakukan pencerobohan itu untuk kegunaan pertanian, agar mengemukakan permohonan rasmi ke Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri.

Katanya, mereka yang berhasrat untuk menceroboh dinasihatkan mengemukakan permohonan kerana adalah menjadi hasrat kerajaan agar kawasan tanah terbiar di negeri ini dapat dioptimumkan penggunaannya terutama bagi sektor pertanian.

"Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh warga Perak agar jangan teragak-agak untuk menceroboh tanah kerajaan kerana kita mempunyai kecekapan untuk meluluskan permohonan (hak milik) dengan cepat," katanya ketika menjawab soalan Datuk Saarani Mohamad (BN-Kota Tampan) pada Persidangan Dewan Undangan (DUN) negeri di sini semalam.

Jawapan Mohammad Nizar itu kemudian menimbulkan kekecohan selepas Saarani dan beberapa ahli pembangkang mempertikai kenyataannya yang dianggap menggalakkan lagi aktiviti pencerobohan tanah kerajaan negeri.

"Semua orang dengar secara 'live' (dalam dewan dan televisyen web), MB (Menteri Besar) cakap jangan teragak-agak ceroboh tanah kerajaan. Adakah ini menjadi dasar kerajaan negeri," katanya.

13/11/2008 (Khamis)

Utara: Mada mohon RM3 juta bagi beli benih padi

ALOR STAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) memohon peruntukan RM3 juta melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membeli benih baru padi untuk diagihkan kepada petani di Kedah dan Perlis yang kerugian akibat banjir baru-baru ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata permohonan itu membabitkan 8,000 hektar sawah kendalian Mada di empat wilayah termasuk Kota Star, Yan, Pedang dan Perlis. Beliau berkata, kerugian yang dicatatkan tahun ini tidak terlalu besar kerana kebanyakan kawasan padi yang ditenggelami air itu masih di peringkat semailan benih.

"RM3 juta itu adalah peruntukkan yang Mada anggarkan untuk membekalkan semula benih padi baru kepada pesawah terbabit. Bagaimanapun berapa jumlah yang diluluskan masih belum diketahui.

"Kerugian yang dialami tahun ini tidak besar kerana ia masih di peringkat benih. Sekiranya banjir berlaku ketika padi sudah masak saya anggar kerugian yang dicatatkan mungkin lebih besar mencecah RM26 hingga RM27 juta," katanya kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Barisan Nasional (BN) negeri di sini, kelmarin.

Beliau berkata, bantuan Mada itu adalah penyelesaian jangka pendek bagi meringankan beban golongan pesawah kendalian agensi berkenaan yang sering berdepan dengan risiko kemusnahan padi setiap kali banjir. "Usaha mempercepatkan projek tebatan banjir di Sungai Kedah dan Sungai Pendang perlu bagi menyelesaikan masalah yang berpanjangan ini. Mada juga akan menggiatkan usaha membersihkan dasar sungai di kawasan untuk memastikan kelancaran aliran air ketika hujan lebat," katanya.

Baru-baru ini, Pengerusi Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mada, Ahmad Raden dilaporkan berkata hampir 10,000 hektar sawah di kawasan Mada di Kedah dan Perlis mengalami kerugian hampir RM4.3 juta akibat banjir selama seminggu mulai 20 Oktober lalu. Seramai 5,401 pesawah dari empat wilayah di dua negeri itu mengalami kerugian apabila sawah mereka yang sudah mempunyai anak padi berusia sebulan ditenggelami banjir.

13/11/2008 (Khamis)

Utara: Lebuhraya Batu Puteh ke Satun diteruskan

KERAJAAN negeri akan meneruskan projek lebuhraya khas menghubungkan Bukit Puteh di Perlis ke Satun di Thailand bagi mewujudkan jaringan hubungan darat antara dua pekan terbabit, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian negeri, Datuk Seri Syed Radzlan Syed Putra Jamalullail.

Syed Radzlan ketika menjawab soalan lisan Mat Hassan (BN-Kuala Perlis), berkata kerajaan negeri sememangnya berusaha meneruskan usaha sama dengan kerajaan Thailand untuk membina Lebuhraya Bukit Puteh-Satun. Bagaimanapun, katanya, ada beberapa masalah di pihak Thailand untuk meneruskan projek terbabit terutama dalam mendapatkan komitmen kerajaan negara jiran.

"Sehingga kini, kerajaan negeri Perlis sudah menyiapkan Lebuhraya Changlun-Kuala Perlis sebagai sebahagian daripada Projek Lebuhraya Bukit Puteh-Satun, tetapi tiada sebarang kerja tanah dilakukan di bahagian Thailand. "Sebaliknya, mereka mengemukakan cadangan baru untuk membina jalan baru iaitu Satun melalui Ban Wang Prachan di Thailand ke Wang Kelian sebelum menghala ke Kangar.

"Apa pun, kita akan teruskan usaha menyediakan jaringan hubungan darat terbabit terutama melalui Bukit Puteh-Satun, yang dianggap penting kerana bukan saja menjana ekonomi Malaysia, tetapi Thailand," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan lisan Mansor Jusoh (BN-Chuping), Syed Radzlan berkata kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) menjalin usaha sama dengan sebuah syarikat tempatan, Pro Master Engineering Sdn Bhd (Pro Master) untuk mengusahakan pengeluaran batu reput Perlis atau dikenali sebagai 'Dolomite'.

Beliau berkata, dengan pelaburan RM30 juta yang dimeterai pada 2007, Pro Master bukan saja bertanggungjawab mengeluarkan dolomite, tetapi memproses batu reput itu untuk dijadikan produk komersil seperti kaca, besi, magnesium, batu hiasan dan kegunaan pertanian bagi pasaran tempatan dan luar negara.

"Buat masa sekarang syarikat usaha sama dikenali Perlis Dolomite Sdn Bhd sudah mengemukakan permohonan tanah untuk membangunkan kilang memproses produk akhir bagi tujuan pasaran, selain makmal untuk tujuan kawalan kualiti dan analisa kandungan mineral.

"Kita jangkakan sebaik terbinanya kilang ini, ia akan memberikan limpahan ekonomi kepada kegiatan pembangunan keusahawanan dalam industri berasaskan dolomite kepada masyarakat, selain peluang pekerjaan yang besar kepada rakyat," katanya.

13/11/2008 (Khamis)

Sabah Sarawak: Tindakan tegas jika salah urus dana awam

KUCHING: Kerajaan Sarawak tidak akan bertolak ansur dalam soal salah urus dana awam dan akan bertindak tegas terhadap kakitangan awam yang tidak mematuhi prosedur serta peraturan kewangan. Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, selaku Menteri Kewangan juga telah mengarahkan pegawai dan ketua jabatan berkenaan supaya mengambil tindakan segera jika wujud kelemahan seperti rekod akaun tidak diurus dengan baik.

Menteri Kewangan Kedua Sarawak, Datuk Sri Wong Soon Koh, berkata ketegasan kerajaan negeri ini menyaksikan ia mendapat 'sijil bersih' bagi akaun awam untuk enam tahun berturut-turut daripada agensi penarafan domestik dan antarabangsa.

"Ia membuktikan kerajaan negeri telah menguruskan hal ehwal kewangan secara jujur dan telus," katanya ketika menggulung perbahasan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, semalam.

Beliau berkata, usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan negeri adalah proses berterusan dengan Pejabat Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sentiasa memastikan akauntabiliti terhadap semua dana awam yang dibelanjakan.

Menyentuh dakwaan wakil pembangkang, Wong Ho Leng, (DAP-Bukit Assek) dan Chong Chieng Jen (DAP-Kota Sentosa), yang mendakwa kerajaan negeri tidak telus dalam pengurusan kewangan dan proses penyediaan bajet, Wong berkata semua perbelanjaan yang diluluskan dalam bajet negeri diperiksa Ketua Audit Negara.

Sementara itu, Wong berkata, kerajaan negeri akan terus berunding dengan Kerajaan Pusat supaya memberikan peruntukan lebih besar kepada Sarawak terutama bagi tujuan pembangunan infrastruktur, luar bandar, pertanian, kemudahan awam dan pendidikan.

13/11/2008 (Khamis)

Sabah Sarawak: RM329.3j diluluskan bagi jalan luar bandar

SEBANYAK RM329.3 juta diluluskan bagi pelaksanaan projek jalan luar bandar (JLB) di seluruh Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kata Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM196.7 juta digunakan bagi membiayai projek jalan luar bandar yang baru, manakala baki RM132.6 juta bagi penyambungan projek jalan luar bandar yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Setakat 31 Oktober lalu katanya, sejumlah RM39.9 juta atau 63.4 peratus telah dibelanjakan daripada sejumlah RM62.92 juta peruntukan yang diperuntukkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi pelaksanaan 33 projek jalan luar bandar. "Bagi tahun depan, kementerian sama telah meluluskan sebanyak RM95.5 juta untuk menyediakan kemudahan infrastruktur di negeri ini," katanya ketika menggulung perbahasan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Mengenai projek bekalan elektrik luar bandar, sejumlah RM10 juta telah diluluskan KKLW untuk projek perintis di Kampung Arur Dalam di Bario dan Kampung Teluk Melano di Sematan. Jabu berkata, kerja pemasangan peralatan mekanikal dan elektrik untuk kedua-dua projek sedang dilaksanakan oleh kontraktor dan dijangka siap pada Mei tahun depan. "Ia akan memberi manfaat kepada penduduk di lebih 100 rumah panjang di kedua-dua kawasan berkenaan," kata beliau.

Manakala bagi projek lampu jalan pula, pelaksanaan di Sarawak hanya akan bermula pada tahun depan menerusi peruntukan RM2.5 juta. Setakat 31 Oktober tahun ini juga, sejumlah RM4.45 juta atau 18.4 peratus telah dibelanjakan untuk menyiapkan 90 projek jalan kampung, manakala baki 338 lagi projek masih dalam pelaksanaan.

13/11/2008 (Khamis)

Selatan: Jalan tidak diturap sejak 24 tahun

MERSING: Penduduk Jalan Tanjung, Taman Sri Mersing, di sini, kesal kerana dianaktirikan pihak berkuasa tempatan (PBT) apabila jalan berkenaan tidak pernah diturap sejak mereka mula menduduki perumahan berkenaan 24 tahun lalu.

Mereka mendakwa semua jalan dan lorong di taman perumahan itu sudah diturap beberapa kali sepanjang tempoh berkenaan, tetapi tidak di jalan berkenaan. Penduduk mendakwa masalah itu sepatutnya tidak berlaku kerana mereka sama-sama membayar cukai kepada PBT berkenaan.

Seorang penduduk, Abd Halim Ali, 42, berkata beliau hairan bagaimana jalan berkenaan tidak mendapat perhatian mereka yang bertanggungjawab untuk tujuan itu. "Semua jalan dan lorong di sekitar taman ini sudah diturap beberapa kali, tetapi mengapa jalan ini terlepas pandang dan tidak pernah diturap sejak sekian lama.

"Saya berharap Jawatankuasa Penduduk juga membantu mengatasi masalah ini dengan segera kerana kami sudah lama menunggu supaya jalan berkenaan diturap segera," katanya yang meminta pihak berkuasa supaya menyiasat masalah itu jika berlakunya penyelewengan. Seorang penduduk yang dikenali sebagai Ahmad berkata, masalah itu sepatutnya tidak berlaku kerana semua penduduk di kawasan berkenaan adalah penyokong kuat kerajaan.

14/11/2008 (Jumaat)

MRCB peruntuk RM60,000 beli peralatan sekolah untuk 200 pelajar

Oleh Zabidi Hitam bidi@bharian.com.my



ROSLAN (dua dari kiri) mengagihkan beg sekolah kepada murid SK La Salle 1 dan La Salle 2, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

MALAYSIAN Resources Corporation Berhad (MRCB) menerusi program PINTAR (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility) memperuntukkan sejumlah RM60,000 untuk membeli peralatan persekolahan bagi diagih kepada 200 pelajar di tiga sekolah di Lembah Klang. Pemberian beg, pakaian seragam dan kasut sekolah itu adalah

sebahagian tanggungjawab korporat membantu murid daripada keluarga kurang berkemampuan meneruskan persekolahan.

Program Pintar diwujudkan tahun lalu bertujuan menggalakkan kecerdasan, memupuk bakat dan menerapkan tanggungjawab di kalangan masyarakat dengan fokus menjana kecemerlangan pelajar.

Pengarah MRCB, Dr Roslan A Ghaffar, berkata pelbagai program dilaksanakan bertujuan meningkatkan tahap pendidikan pelajar. "Ia termasuk Klinik UPSR yang dianjurkan dengan kerjasama Berita Harian. "Kami sedar, ramai pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan amat memerlukan bantuan ini," katanya pada majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang Tokoh Muda dan Projek Pemimpin Muda MRCB 2008 di Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir Naib Presiden Tanggungjawab Korporat Pengurusan Tranformasi dan Projek-Projek Khas, Khazanah Nasional Berhad, Shareen Shariza Abdul Ghani. Menurut Roslan, Sekolah Kebangsaan La Salle 1 dan La Salle 2 serta sebuah sekolah di komuniti MRCB di Taman Kajang Utama dipilih menyertai program itu. Katanya, masing-masing dua murid sekolah berkenaan menerima Anugerah Cemerlang Tokoh MRCB bagi kecemerlangan akademik, manakala masing-masing seorang (Tokoh Kurikulum).

MRCB turut menyampaikan anugerah kepada 10 anak kaki tangan yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia, tahun lalu.

14/11/2008 (Jumaat)

Sentral: Projek RM1 bilion dipulihkan

Oleh Amirullah Andi Nurarullah@bharian.com.my

MELAKA: Selepas lebih 14 tahun ter bengkalai, projek pembangunan bersepadu Pulau Melaka, dekat sini yang dianggarkan bernilai RM1 bilion akan dipulihkan semula bagi memastikan 1,200 pembeli mendapat pembelaan sewajarnya.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, satu perbincangan secara terbuka akan diadakan awal bulan depan membabitkan semua pembeli berkenaan dengan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), pemaju dan bank terbabit.

"Mesyuarat Exco memutuskan projek Pulau Melaka dipulihkan. Kita akan mengadakan perjumpaan awal bulan depan dengan semua pihak terbabit dan langkah seterusnya akan diputuskan selepas itu," katanya.

Mohd Ali berkata, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Omar Kaseh dan Datuk Bandar Bandaraya Melaka Bersejarah, Yusuof Jantan sudah diarah menyelaraskan proses perbincangan

dengan 1,200 pembeli pada satu tarikh yang bakal ditetapkan kemudian. Katanya, sayap pelaburan kerajaan negeri, Chief Minister Inc diberi tanggungjawab mengambil alih sekali gus meneruskan projek berkenaan.

"Ingin saya tekankan di sini, projek pemulihan semula projek bersepadu Pulau Melaka ini dilakukan bukan kerana kita hendak menolong pemaju, sebaliknya, 1,200 pembeli yang berasaskan teraniaya sepanjang tempoh berkenaan," katanya.

Mohd Ali juga mengesahkan, selaras pengambilalihan projek itu, pengurusan Pulau Melaka akan diuruskan sepenuhnya oleh MBMB bermula 1 Disember termasuk dari segi kawalan keselamatan dan jaminan insurans.

14/11/2008 (Jumaat)

Sentral: MB puas hati semua agensi diiktiraf cekap

SEREMBAN: Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berpuas hati apabila hampir semua agensi kerajaan di negeri ini diiktiraf sebagai telus serta cekap dalam pengurusan kewangan dan menerima sijil audit bersih daripada Ketua Audit Negara.

Beliau berkata, kejayaan itu juga kerana teguran Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang sebelum ini terhadap penyata kewangan beberapa agensi kerajaan di negeri ini sehingga menyebabkan mereka gagal mendapat sijil audit bersih.

"Teguran itu berjaya memperbaiki dan meningkatkan mutu pentadbiran kewangan agensi kerajaan serta imej jabatan dan keyakinan orang ramai. Perkembangan ini pencapaian amat membanggakan kerana sebelum ini banyak agensi kerajaan negeri ditegur Ketua Audit Negara kerana penyata perbelanjaan tahunan kurang memuaskan," katanya.

14/11/2008 (Jumaat)

Sabah Sarawak: 69 projek industri dilulus

Laporan Misiah Taib misiah@bharian.com.my

KUCHING: Sejumlah 69 projek diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian di Sarawak bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini, membabitkan pelaburan sebanyak RM12.5 bilion. Jumlah itu jauh lebih besar berbanding 68 projek dengan jumlah pelaburan hanya RM327 juta yang diluluskan oleh jawatankuasa sama sepanjang tahun lalu.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata untuk tempoh sepuluh bulan tahun ini, peningkatan pelaburan yang dicatatkan ialah RM12.2 bilion atau 97.4 peratus

berbanding tahun lalu. Beliau yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian berkata, daripada 69 projek yang diluluskan oleh jawatankuasa terbabit tahun ini, 29 projek membabitkan pelaburan sebanyak RM12.4 bilion yang disokong mengikut Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Manakala Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian pula kata beliau, meluluskan baki 40 lagi projek bernilai RM0.1 bilion.

"Keseluruhan projek ini dijangka menjana 6,966 peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri ini," katanya ketika menggulung perbahasan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam. Beliau berkata, majoriti daripada 60 projek terbabit adalah industri berasaskan kayu iaitu 27 projek, diikuti industri makanan dan minuman (14 projek), industri pengangkutan (8 projek), industri berasaskan logam (6 projek), produk mineral (3 projek), petroleum dan industri berkaitan (3 projek), dan lain-lain industri (8 projek).

Chan berkata, dari segi jumlah pelaburan, industri berasaskan logam membabitkan nilai pelaburan tertinggi iaitu RM10.8 bilion, diikuti petroleum dan produk berkaitan (RM1.2 bilion), pengangkutan (RM240 juta), elektrik dan elektronik (RM35 bilion). Katanya, kebanyakan projek berkenaan terletak di Kuching dengan 24 projek, diikuti 17 di Sibu, Bintulu (9 projek), Miri (7 projek), Mukah (6 projek), Kota Samarahan (6 projek), masing-masing satu di Kapit dan Limbang.

Beliau berkata, setakat Januari hingga Oktober tahun ini juga, sejumlah 975 lot industri dibangunkan di estet perindustrian di negeri ini dengan 824 lot ditawarkan kepada 496 syarikat. "Setakat ini, 375 syarikat atau 76 peratus sudah menerima tawaran itu dan membayar premium ditetapkan. Sebanyak 121 lagi syarikat atau 24 peratus sama ada masih di peringkat tawaran atau sudah menolak tawaran berkenaan," katanya. Daripada 375 syarikat yang menerima tawaran itu pula, sebanyak 183 syarikat sudah memulakan operasi manakala 192 lagi syarikat masih di pelbagai peringkat pelaksanaan.

14/11/2008 (Jumaat)

Utara: Perak mahu beli kereta baru MB

Laporan Shamsul Kamal Amarudin dan Mohd Feroz Abu Bakar

IPOH: Kerajaan Perak akan membeli kereta rasmi baru untuk Menteri Besar dan semua Exconya tahun depan jika ada keperluan dan membayangkan tidak akan menggunakan jenama Proton.

Exco Pendidikan, Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Awam negeri, Nga Kor Ming, berkata kos penyelenggaraan dan harga tanpa cukai kereta Toyota Camry dan Honda CRV didapati lebih murah berbanding Proton Perdana V6. Oleh itu, katanya, semua 18 kereta Proton Perdana V6 yang digunakan sejak 2004 hingga sekarang dengan kos penyelenggaraan melebihi RM1 juta bagi tempoh lima tahun, akan ditender untuk lelongan awam.

"Kos penyelenggaraan untuk kereta Proton Perdana V6 adalah tinggi, ini fakta yang tidak dapat dinafikan. Kerajaan negeri boleh jimat wang rakyat jika tukar kenderaan lain yang menawarkan pakej lebih menarik.

"Bila ahli keluarga saya sendiri menaiki Proton Perdana yang pernah digunakan oleh Exco terdahulu, mereka menjadi bimbang dengan tahap keselamatannya," katanya ketika menjawab soalan Wong Kah Woh (DAP-Canning) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini semalam.

Nga berkata, kos perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan 16 kereta rasmi Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri dari 2004 hingga Mac lalu ialah RM1.08 juta dengan tiga kereta mencatatkan kos paling tinggi iaitu AFD 66 sebanyak RM105,783.99 diikuti AFD 99 (RM103,896.03) dan AFD 333 (RM102,884.63).

Beliau berkata, penyelenggaraan dua kereta rasmi Menteri Besar iaitu ADY 9 dan AFD 9 dari 2004 hingga 2007 ialah RM131,610.19 manakala kereta rasmi model Mercedes Benz ML 320 dengan nombor pendaftaran AEH 9 ialah RM90,733.07.

Katanya, beliau tidak mempersoalkan pembelian kereta Mercedes Benz buatan Jerman oleh bekas Menteri Besar kerana peruntukan undang-undang negeri membenarkannya berbuat demikian tetapi mempersoalkan penggunaan wang rakyat yang banyak untuk kos penyelenggaraan kereta Proton Perdana V6. "Wang rakyat banyak digunakan untuk kepentingan Proton tetapi apakah sumbangan syarikat kereta nasional itu kepada rakyat.

"Saya tahu ramai pemimpin Barisan Nasional (BN) dan Umno yang tidak setuju dengan penggunaan Proton Perdana sebagai kereta rasmi dan ia ditunjukkan oleh kerajaan negeri Terengganu dengan pembelian kereta Mercedes Benz E-200," katanya.

Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali (BN-Pengkalan Hulu), yang juga bekas Menteri Besar bagaimanapun meminta kerajaan negeri memikirkan semula keputusan dan kesannya untuk membeli kereta bukan Proton kerana mereka perlu sedar bahawa kilang terbesar Proton terletak di Tanjung Malim. "Apa akan jadi dengan kedudukan kilang itu jika kerajaan Perak sendiri tidak menyokongnya dan kemudian semua pegawai kanan kerajaan di seluruh negeri juga menukar kereta mereka? "Kita boleh terus menggunakan Proton (Perdana V6 sebagai kereta rasmi) tetapi hanya tengok kembali kaedah dan kos penyelenggaraannya," katanya.

14/11/2008 (Jumaat)

Timur: 280,000 pokok ditanam di 12 lokasi pesisiran pantai

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Pahang menanam lebih 280,000 pokok spesies rhu laut dan kelat jambu laut membabitkan kawasan seluas lebih 45 hektar sepanjang dua tahun program

tanaman persisiran pantai negara dilancarkan pada 2005. Projek berkenaan membabitkan 12 lokasi pesisiran pantai berstatus tanah kerajaan di daerah ini dan Pekan.

Pengarahnya, Datuk Che Hashim Hassan, berkata perbelanjaan projek program tanaman pesisiran pantai ini diperoleh daripada peruntukan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Menurutnya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebanyak RM40 juta diperuntukkan bagi menjayakan program berkenaan di seluruh negara. Katanya, sehingga November ini, Jabatan Perhutanan Pahang menerusi Unit Tanaman Tepi Pantai berjaya menanam lebih 135,000 pokok spesies rhu laut di enam lokasi di daerah ini dan Pekan, membabitkan peruntukan RM600,000 termasuk aktiviti penyelenggaraan.

"Tujuan utama program tanaman persisiran pantai ini diadakan bagi mengurangkan kejadian hakisan tepi pantai selain menghalang tiupan angin kencang terutama pada musim tengkujuh. "Program yang dimulakan pada 2005 itu susulan kejadian ombak besar tsunami yang melanda sebahagian besar negara di Asia Tenggara termasuk negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Persisiran Pantai Negara 2008 di Pantai Kampung Cherok Paloh, di sini, semalam. Program berkenaan dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Warisan, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita Pahang, Datuk Shafik Fauzan Sharif.

Pada program ini, sebanyak 1,200 pokok rhu laut ditanam di kawasan seluas dua hektar oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdul Rahman Talib, di sini, penduduk kampung dan kakitangan Jabatan Perhutanan Pahang.

Che Hashim berkata, kempen kesedaran pemuliharaan hutan persisiran pantai negara 2008 dianjurkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Pahang dengan kerjasama Institut Rimbawan Malaysia (Irim). Beliau berkata, ia diadakan secara serentak di seluruh negara membabitkan tanaman pokok rhu dan bakau sebanyak 8,000 pokok.

15/11/2008 (Sabtu)

RM2.778b untuk Bajet 2009 Sabah

Oleh Hassan Omar bhnews@bharian.com.my



Musa Aman

Royalti petroleum naik 51.18 peratus

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah memperuntukkan RM2.778 bilion bagi Bajet 2009 – jumlah tertinggi pernah dicatat kerajaan negeri itu sebelum ini, meningkat RM477.6 juta atau 20.76 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Mengumumkannya ketika membentangkan Bajet 2009 di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata daripada keseluruhan peruntukan itu, RM581.06 juta adalah untuk Emolumen. Selain itu, RM883.30 juta disalurkan untuk Perbelanjaan Berulang, meningkat RM152.46 juta (20.86 peratus) berbanding RM730.84 juta dalam bajet tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, sejumlah RM1.314 bilion diperuntukkan bagi Perbelanjaan Khas, meningkat RM340.55 juta (34.97 peratus) berbanding RM973.90 juta dalam Bajet 2008.

"Kerajaan Sabah mencipta sejarah dengan membentangkan bajet tertinggi dan terbesar pernah tercatat di negeri ini," katanya. Musa berkata, daripada keseluruhan peruntukan itu, Kementerian Kewangan diberi RM1.019 bilion manakala Kementerian Pembangunan Infrastruktur (RM539.64 juta), Jabatan Ketua Menteri (RM392.93 juta) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (RM253.31 juta).

Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna diberikan peruntukan RM125.97 juta, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (RM98.65 juta), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (RM82.37 juta) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (RM58.05 juta).

Selain itu, Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat diberikan RM54.92 juta, Kementerian Belia dan Sukan (RM36.18 juta), Kementerian Pembangunan Perindustrian (RM9.32 juta), perbelanjaan tidak termasuk dalam kementerian (RM18.66 juta) dan perbelanjaan tanggungan (RM88.94 juta).

Mengenai royalti petroleum dibayar Petronas, Musa berkata, kerajaan negeri memperoleh RM705 juta tahun ini, meningkat 51.18 peratus daripada anggaran royalti asal RM466.33 juta.

Peningkatan berkenaan, katanya, adalah berdasarkan tindakan Petronas menyemak semula bayaran itu berikutan peningkatan harga minyak mentah dunia dan tukaran wang asing.

Bagi Bajet 2009, kerajaan negeri menjangka memperoleh royalti petroleum RM719 juta, sekali gus menyumbang 27.97 peratus kepada keseluruhan hasil kerajaan negeri. Beliau berkata, bagi Bayaran Premium selaku satu daripada penyumbang terpenting dalam kategori Hasil Bukan Cukai, kerajaan negeri menjangka memperoleh RM132.65 juta melalui Premium berbanding anggaran RM159.10 juta tahun ini.

"Pengurangan pengeluaran kayu balak dijangka mengakibatkan penurunan Premium Kayu Balak dengan RM32.65 juta tahun depan berbanding anggaran RM59.10 juta tahun ini," katanya.

Premium dari Jualan Tanah dijangka kekal RM100 juta tahun depan, iaitu sama dengan anggaran tahun ini.

16/11/2008 (Ahad)

Sentral: PBT tiga negeri perlu lunas hutang RM180 juta

SEREMBAN: Pihak berkuasa tempatan (PBT) di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang mempunyai tunggakan hutang kira-kira RM180 juta dengan syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal, SWM Environment Sdn Bhd perlu melunaskannya walaupun Perbadanan Pelupusan Sisa Pepejal (PPSP) yang mengambil alih pengurusan sisa pepejal negara dijadualkan beroperasi bulan depan.

Pengurus Besar SWM Environment, Dr Al-Ashari Othman, berkata PBT di tiga negeri berkenaan perlu menjelaskan tunggakan hutang itu berdasarkan perjanjian kontrak yang ditandatangani dengan syarikat itu sebelum ini.

"Hutang PBT itu tidak akan dilupuskan, sebaliknya mereka perlu melunaskannya sehingga ia selesai. Lagipun, kita sudah menjalankan kerja yang dipertanggungjawabkan dan mengikut perjanjian, mereka dikehendaki membayar atas perkhidmatan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dan penghargaan SWM Environment kepada media Negeri Sembilan di sini malam kelmarin. April lalu, Kementerian Perumahan Kerajaan dan Tempatan bercadang menubuhkan PPSP yang antara lain bertujuan mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada PBT bagi mengendalikan masalah pembuangan sampah supaya lebih sistematik.

Kewujudan PPSP itu juga membolehkan pengurusan kutipan sisa pepejal oleh kontraktor yang dilantik diawasi sepenuhnya, sekali gus mengatasi rungutan orang ramai selain meningkatkan imej negara dalam pengurusan sisa itu supaya setanding dengan negara maju.

Al-Ashari berkata, beban hutang yang besar dan terpaksa ditanggung SWM Environmet itu berikutan kebanyakan PBT tidak mempunyai sumber kewangan kukuh untuk menjelaskannya. Katanya, walaupun PBT di tiga negeri berkenaan berhutang tetapi pihaknya masih mampu beroperasi bagi menjalankan kerja dipertanggungjawabkan dengan baik.

16/11/2008 (Ahad)

Sabah & Sarawak: Harga besi naik jejas projek landasan

PAPAR: Kenaikan harga besi dan simen awal tahun ini dikenal pasti sebagai punca kelewatan projek naik taraf landasan kereta api antara Tanjung Aru dan Tenom yang sepatutnya siap Mei lalu.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Lajim Ukin, berkata kenaikan harga bahan binaan itu menyebabkan kontraktor utama yang melaksanakan projek menghadapi masalah melunaskan bayaran kepada subkontraktor. Katanya, masalah itu menyebabkan kerja pembinaan tergendala dan gagal menepati jadual ditetapkan sebelum ini.

"Dua syarikat kontraktor utama menghadapi masalah membuat bayaran kepada sub kontraktor masing-masing kerana harga bahan binaan yang diminta lebih tinggi berbanding harga siling ditetapkan.

"Keadaan itu memaksa subkontraktor menghentikan sementara kerja pembinaan dan hanya menyambung selepas kerajaan bersetuju menaikkan harga siling besi dan simen," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup kursus Gerak Gempur Penternakan Kambing peringkat daerah Kuala Penyu, di sini, kelmarin.

Lajim yang juga Ahli Parlimen Beaufort berkata, ketika ini kerja naik taraf landasan sepanjang 140 kilometer itu hanya mampu disiapkan kira-kira 70 peratus.

"Laluan antara Beaufort dan Rayoh sudah siap sepenuhnya, manakala laluan antara Tanjung Aru dan Beaufort dijangka siap awal tahun depan.

"Hanya kerja naik taraf antara Rayoh dan Tenom belum dilaksanakan kerana wujud kerumitan berikutan kedudukannya yang terlalu hampir dengan Sungai Padas dan bukit. "Ada banyak kerja pembaikan perlu dilakukan kerana keadaan muka buminya menyebabkan kawasan itu mudah dilanda tanah runtuh. Semua ini perlu diselesaikan dulu," katanya.

Projek bernilai RM230 juta itu dilaksanakan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sejak awal 2006. Sementara itu, Lajim berkata, pihaknya bersetuju pemantauan 24 jam bagi mengawasi pergerakan lori yang membawa lebih muatan dilaksanakan di Sabah.

17/11/2008 (Isnin)

PTK tetap diterus

Oleh S Anand Kumar anand@bharian.com.my

Kerajaan mahu Cuepacs berhenti buat ugutan

KUALA LUMPUR: Kerajaan bertegas tidak akan memansuhkan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang diperkenalkan kepada kakitangan awam sejak 2002, walaupun Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mengancam memboikotnya jika ia terus dilaksanakan tahun depan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam, menegaskan kerajaan tidak akan tunduk dengan desakan Cuepacs untuk memansuhkan sepenuhnya PTK dan mahu kepimpinan tertinggi kesatuan berkenaan berhenti membuat sebarang ugutan. Katanya, tindakan Cuepacs yang mahu supaya semua kakitangan awam memboikot PTK jika ia tidak dimansuhkan mulai tahun depan adalah langkah yang tidak bijak kerana kerajaan sentiasa sedia membuka pintu rundingan bagi sebarang usaha memperbaiki sistem peperiksaan itu.

"Keputusan Cuepacs berhubung PTK adalah langkah kurang bijak kerana kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mahu menambah baik peperiksaan itu. Cuepacs sebelum ini beberapa kali sudah membangkitkan perkara ini dan kita juga sudah melakukan beberapa penambahbaikan.

"Kita lakukan semua ini demi kebaikan anggota sektor awam. Kini sekali lagi mereka (Cuepacs) membangkitkan perkara yang sama dan ia sebenarnya bukan satu keputusan yang bijak," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di sini, semalam.

Kelmarin, Cuepacs yang mewakili hampir 1.2 juta kakitangan awam mengancam untuk memboikot PTK jika kerajaan tidak memansuhkannya mulai tahun depan kerana mendakwa peperiksaan itu banyak memberi tekanan kepada anggota perkhidmatan awam.

Presidennya, Omar Osman dilaporkan sebagai berkata, Cuepacs memberi tempoh sehingga 31 Disember ini kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk membuat keputusan sama ada mahu meneruskan sistem itu atau tidak.

Dalam pada itu, laman web JPA berkata, PTK adalah satu daripada mekanisme yang penting dalam menentukan kemampuan pegawai perkhidmatan awam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

PTK yang antara lain bertujuan menilai prestasi kerja kakitangan awam termasuk menentukan kewajaran kenaikan pangkat, diperkenalkan pada 1 November 2002 menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Ismail berkata, peperiksaan berkenaan tidak boleh dimansuhkan dengan sewenang-wenangnya kerana ia adalah elemen utama yang diperkenalkan bagi menilai prestasi kerja seseorang kakitangan awam. "Saya percaya semua organisasi sebenarnya mempunyai cara tertentu untuk menilai kerja setiap kakitangannya. Sebagai contoh, anda sebagai wartawan pun... saya pasti kerja anda juga dinilai oleh pengarang anda. "Begitu juga dalam perkhidmatan awam. Kita ada PTK untuk menilai prestasi kerja kakitangan awam," katanya.

Ditanya jika pihaknya sedia untuk terus berbincang dengan Cuepacs berhubung isu PTK, Ismail berkata: "berapa kali kita mahu mengadakan perbincangan.... ini sudah menjadi cerita lama. Kita hanya boleh membuat penambahbaikan tetapi tidak akan memansuhkannya sama sekali," katanya.

17/11/2008 (Isnin)

Fokus: Kesan PPSMI

Oleh Khairina Yasin, Rosniza Mohd Taha dan Basir Zaharom upen@bharian.com.my

Peningkatan calon jawab soalan Matematik, Sains dalam bahasa Inggeris bukan ukuran kejayaan pelaksanaan dasar

PENINGKATAN bilangan calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2008 yang menjawab soalan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak boleh dijadikan ukuran bagi menggambarkan pencapaian sebenar pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Sebaliknya, ramai pihak berpendapat banyak faktor yang perlu diambil kira dan dikaji bagi menentukan pelaksanaan dasar itu perlu diteruskan atau sebaliknya. Antaranya tahap penguasaan pelajar khususnya di luar bandar yang jelas masih dibelenggu pelbagai kekurangan dan persekitaran sukar bagi menyokong penguasaan bahasa Inggeris mereka.

Jurang pencapaian semakin melebar antara pelajar bandar dan luar bandar perlu diteliti, selain menilai keupayaan guru melaksanakan dasar itu. Profesor Diraja Ungku Aziz, berpendapat pergantungan terhadap statistik seperti jumlah calon mendapat 5A atau menjawab soalan dalam bahasa Inggeris dalam menetapkan pelaksanaan dasar pendidikan tidak wajar kerana ia tidak menggambarkan keupayaan keseluruhan pelajar.

Sebaliknya, beliau mencadangkan pendekatan baru kaedah pengajaran dan pembelajaran dirangka bagi membolehkan pelajar menguasai dan menggunakan kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris secara serentak. "Memastikan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar tidak harus diambil ringan kerana ia satu-satunya instrumen perpaduan paling berkesan diterapkan dalam sistem pendidikan, sekali gus dapat memastikan kelestarian pembangunan

negara pada masa depan. "Pada masa sama, pelajar perlu digalakkan menguasai bahasa Inggeris supaya mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan globalisasi.

"Utamakan penguasaan pelajar dalam kedua-dua bahasa itu dulu, baru ia boleh dijadikan instrumen dalam PPSMI, sekali gus menggalakkan mereka meluaskan pembacaan dalam pelbagai bahasa untuk menambah ilmu, bukan sekadar lulus peperiksaan saja," katanya.

Tokoh Akademik, Tan Sri Abdul Rahman Arshad, pula menegaskan kajian terperinci perlu dilaksanakan pihak terbabit dengan membuat perbandingan menyeluruh pencapaian UPSR pelajar di bandar dan luar bandar dalam kedua-dua mata pelajaran itu.

Yang jelas, katanya, peningkatan prestasi pelajar bandar dalam UPSR khususnya mata pelajaran Sains dan Matematik sememangnya diakui kerana mereka lebih berupaya memanfaatkan pelbagai kemudahan serta maklumat dalam bahasa Inggeris sama ada melalui buku, internet atau media lain.

"Namun, kejayaan segelintir pelajar di bandar atau daripada kumpulan elit tidak wajar dijadikan alasan untuk meneruskan dasar yang sebenarnya lebih banyak mendatangkan keburukan bagi majoriti pelajar lain khususnya di luar bandar. "Jika dasar ini diteruskan, ia dilihat sebagai penyumbang ke arah keburukan bagi pengembangan bahasa Melayu dalam bidang sains dan teknologi di negara ini.

"Malah, dasar itu secara terang-terangan menidakkan keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu sains dan teknologi dalam keadaan negara kini menuju ke arah negara maju. "Kesannya, kita akan lihat bahasa Melayu akan terus ketinggalan dan akhirnya menyebabkan kematian bahasa kebangsaan itu sendiri," katanya.

Seorang lagi tokoh akademik, Prof Emeritus Datuk Dr Isahak Haron, berkata walaupun mencatat peningkatan memberangsangkan, peratusan pelajar yang menjawab soalan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris masih rendah dan kemungkinan kebanyakan pelajar terbabit dari kawasan bandar serta sudah biasa menggunakan bahasa antarabangsa itu dalam kehidupan harian.

Justeru, katanya, punca lebih 60 peratus pelajar yang masih tidak menggunakan bahasa itu untuk menjawab soalan peperiksaan perlu dikaji, sekali gus mengenal pasti permasalahan dalam pelaksanaan dasar berkenaan.

"Kajian saya bersama empat pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati sejumlah 85 peratus murid melaporkan guru mereka mengajar Matematik dan Sains menggunakan campuran bahasa Melayu dan Inggeris, selain sebahagian besar murid atau 83 peratus meluahkan perasaan kesukaran mempelajari Sains dalam bahasa antarabangsa itu, walaupun mereka mempelajari subjek berkenaan sejak 2003," katanya.

17/11/2008 (Isnin)

Penggunaan biodiesel dikuatkuasa Februari

Oleh Khairul Azran Hussin khaiazr@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Mulai Februari tahun depan, kerajaan akan menguatkuasakan penggunaan bahan api biodiesel berasaskan minyak sawit B5 bagi kegunaan sektor pengangkutan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata penggunaan mandatori biofuel jenis itu akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan kenderaan milik sektor kerajaan.

“Perkara itu sudah dipersetujui Kabinet dan saya akan melakukan perbincangan dari semasa ke semasa dengan kementerian serta agensi kerajaan lain dan semua yang berkaitan. “Kita nak tengok keperluan bahan api itu oleh kenderaan milik kerajaan... jadi perbincangan akan merangkumi pelbagai aspek seperti keperluan dan kemudahan selain persediaan logistik bagi memastikan tiada masalah akan timbul,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Chin berkata, penggunaan bahan api biodiesel itu kemudiannya akan diwajibkan ke atas sektor perindustrian sebelum diperluaskan untuk penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan persendirian.

“Selepas Februari, kementerian akan lihat pula waktu yang sesuai untuk menguatkuasakan penggunaan biodiesel ke atas perkhidmatan lain. “Kita akan usahakan langkah ini sebaik mungkin supaya sasaran kementerian memastikan semua sektor di negara ini menggunakan sepenuhnya bahan api itu akan berjaya,” katanya.

Sementara itu, ketika ditanya persediaan untuk menampung jumlah permintaan bahan api biodiesel selepas kerajaan menguatkuasakan penggunaannya, beliau berkata, sebanyak 14 kilang yang boleh menghasilkan bahan api itu sudah siap dibina. “Lapan daripada kilang itu sudah pun beroperasi dan bakinya akan turut beroperasi tidak lama lagi. “Saya yakin ia mencukupi untuk menampung keperluan di negara ini,” katanya.

Katanya, sebanyak 14 kilang yang boleh menghasilkan bahan api itu sudah siap dibina untuk memenuhi keperluan pengangkutan awam pada masa depan.

18/11/2008 (Selasa)

Menteri diminta perjas konsesi lebuhraya

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak akan meminta Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamed memberi penjelasan mengenai cadangan kerajaan tidak mengklasifikasikan perjanjian konsesi lebuhraya sebagai perkara sulit dan rahsia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kabinet sudah beberapa kali mengadakan perbincangan mengenai kandungan perjanjian konsesi lebuhraya sebelum ini. "Saya akan meminta Menteri Kerjaraya membuat kenyataan bagi memastikan perkara teknikal mengenai perkara itu," katanya kepada media selepas majlis Anugerah Belia Felda Malaysia (ABFM) 2008, di sini semalam. Ditanya sama ada mesyuarat Kabinet, Jumaat lalu turut membincangkan kandungan perjanjian konsesi lebuhraya, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, ia tidak dibincangkan.

"Memang Kabinet ada membincangkan perjanjian konsesi lebuhraya beberapa kali sebelum ini tetapi bukan dalam mesyuarat yang terbaru. Biarlah Menteri Kerjaraya yang membuat sebarang kenyataan mengenai perkara berkenaan," katanya.

Najib mengulas laporan akhbar berbahasa Inggeris yang memetik sumber sebagai berkata, kerajaan tidak lagi mengklasifikasikan perjanjian konsesi lebuhraya sebagai dokumen sulit. Ia bermaksud kandungan kontrak perjanjian yang sebelum ini dikatakan banyak memberi keuntungan kepada syarikat pemegang konsesi boleh didedahkan kepada umum.

Antara syarikat pemegang konsesi mengendalikan jajaran lebuhraya ialah Plus Expressway Bhd, Penang Bridge Sdn Bhd, Besraya (M) Sdn Bhd, Elite, Grand Saga Sdn Bhd, Kesas Sdn Bhd, Litrak, New Pantai Expressway Sdn Bhd (NPE), Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim Sdn Bhd dan Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn Bhd (Silk).

18/11/2008 (Selasa)

Peruntukan RM360j bina MRSM

KUALA KUBU BARU: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memperuntukkan RM360 juta bagi membina sembilan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) baru mulai tahun depan. Menteriinya, Datuk Noh Omar, berkata peruntukan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) itu bertujuan membolehkan lebih ramai mendapat tempat di MRSM.

MRSM baru itu akan dibina di Tanjung Karang, Selangor; Rantau, Negeri Sembilan; Baling, Kedah; Johor Bahru, Johor; Tanah Merah, Kelantan; Temerloh, Pahang; Dungun, Terengganu; Sandakan, Sabah dan Parit di Perak.

"Sejak penubuhannya pada 1972, MRSM komited mengeluarkan pelajar Bumiputera cemerlang setiap tahun. Sebagai contoh, angkasawan negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor adalah lepasan MRSM Muar," katanya pada Majlis Penutup Program Modal Insan Cemerlang MRSM 2008 di Kem Rock Resort, Batang Kali di sini, kelmarin.

Teks ucapannya dibacakan Ahli Majlis Mara, Datuk Mohamad Rais Zainuddin.

Noh berkata, setiap tahun kementeriannya menerusi Mara terpaksa menolak banyak permohonan ibu bapa yang mahu menghantar mereka belajar di MRSM. "Bagi memastikan pelajar mempunyai jati diri kukuh, pelbagai program pembinaan modal insan dirancang kementerian dengan peruntukan mencukupi disalurkan untuk tujuan itu. "Saya bangga Mara dapat mengadakan program Modal Insan Cemerlang julung kalinya tahun ini yang berjaya mengumpul 200 pelajar dari semua MRSM ini," katanya.

Noh berkata, mulai Januari tahun depan, Mara juga akan memperkenalkan tambahan satu mata pelajaran iaitu Keinsanan kepada semua pelajar bagi meningkatkan kesedaran jati diri mereka.

18/11/2008 (Selasa)

Dewan Rakyat: Punca kontrak Paremba ditamat

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembinaan Prince Court Medical Centre (PCMC) yang pada awalnya diberikan kepada Paremba Construction Sdn Bhd (Paremba) sebelum diambil alih Sunway Construction Sdn Bhd, membabitkan perbelanjaan RM391 juta, iaitu lebih RM34 juta daripada nilai kontrak RM357 juta yang diberikan kepada Paremba.

Perdana Menteri berkata, Sunway menyiapkan baki kerja pembinaan PCMC pada Jun 2007. "Kontrak bagi pembinaan PCMC dibuat secara terbuka dan dimenangi Paremba pada September 2002 dengan nilai kontrak RM357 juta. "Menerusi kontrak itu, Paremba dikehendaki menyiapkan pembinaan dalam jangka masa 30 bulan iaitu selewat-lewatnya April 2005.

"Syarikat itu bagaimanapun gagal dan memohon tempoh tambahan. PCMC meluluskan tambahan masa enam bulan sehingga Oktober 2005," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan).

Abdullah berkata, walaupun Paremba diberikan tambahan enam bulan, ia masih tidak berupaya menyiapkan pembinaan dan PCMC menamatkan kontrak pada Oktober 2006. PCMC kemudian melantik Sunway pada Disember 2006 untuk menyiapkan kerja pembinaan. Beliau berkata, Sunway dipilih berdasarkan rekod prestasi kerja dan kontraktor bagi pembinaan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang berjaya disiapkan dalam jangka masa ditetapkan.

18/11/2008(Selasa)

Dewan Rakyat: 51 sekolah dibina di Sabah sepanjang RMK-9

SEBANYAK 51 projek membabitkan pembinaan 14 sekolah rendah, 35 sekolah menengah harian, sebuah sekolah sukan dan sebuah sekolah menengah teknik serta 78 projek pembekalan elektrik luar bandar Sabah membabitkan RM1.45 bilion pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sehingga kini 17 sekolah rendah, 42 sekolah menengah, sebuah sekolah sukan dan sebuah sekolah teknik sedang dalam pembinaan manakala 31 sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan dalam peringkat prabina. Katanya, bagi bajet mengurus pula, peruntukan yang disalurkan bagi kerja penyelenggaraan sekolah, asrama dan institusi pelajaran lain dalam tempoh 2006 hingga 2008 berjumlah RM174 juta.

“Peruntukan besar yang diluluskan untuk penyelenggaraan institusi pelajaran di Sabah berikutan keadaan fizikal bangunan agak uzur dan memerlukan banyak penyelenggaraan dan baik pulih,” katanya menjawab soalan Datuk Seri Abdul Ghapur Salleh (BN-Kalabakan).

Beliau berkata, berdasarkan aktiviti pendidikan, sekolah rendah menerima peruntukan RM86.6 juta, sekolah menengah RM35.7 juta, manakala RM22.2 juta bagi mengurus penyelenggaraan prasekolah dan bangunan pejabat pelajaran negeri dan daerah. Katanya, pelaksanaan projek berkenaan dibuat melalui pelbagai kaedah seperti rundingan terus, tender terbuka, tender terhad dan sebut harga.

Sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) pula, kementerian berjaya menyiapkan 1,785 projek membabitkan pelbagai program sekolah rendah dan menengah dengan kos RM1.1 bilion di Sabah.

Beliau berkata, kementerian sedang berbincang dengan Kementerian Kewangan bagi menyelaraskan kualiti perabot di semua sekolah. Beliau berkata, tiada guna sekiranya kerajaan menyediakan sekolah canggih dan besar tetapi pengisian dalam konteks perabot tidak dapat diselaraskan.

19/11/2008 (Rabu)

Syarikat dedah kontrak konsesi

Oleh Mohamed Farid Noh mfarid@bharian.com.my

22 pengendali lebih raya bersetuju kandungan perjanjian dicetak

KUALA LUMPUR: Sebanyak 22 daripada 23 syarikat konsesi lebuhraya di negara ini, bersetuju mendedahkan atau mendeklasifikasikan perjanjian konsesi mereka dengan kerajaan, kepada umum kecuali Maju Expressway yang mengendalikan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya.

Menteri Kerjaraya, Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata kementeriannya akan mendedahkan kandungan kontrak dengan pemegang konsesi lebuhraya, yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai dokumen sulit dan rahsia kepada umum mulai 1 Januari tahun depan. Katanya, kini proses menerbitkan 22 kandungan perjanjian konsesi sedang dibuat sebelum Percetakan Negara mencetak dan menjualnya kepada orang ramai.

"Keputusan mendedah atau mendeklasifikasikan dokumen perjanjian terbabit dicapai berikutan persetujuan Kabinet 17 Oktober lalu berhubung memorandum dikemukakan kementerian iaitu; Pengelasan Semula Semua Perjanjian Konsesi Lebuhraya yang Sedang Beroperasi Supaya Dapat Didedahkan Kepada Umum.

"Kabinet bersetuju perjanjian konsesi lebuhraya yang sedang beroperasi dikelaskan semula selaras Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA), selepas mendapat persetujuan syarikat konsesi sejajar peruntukan kerahsiaan dalam kontrak perjanjian terbabit.

"Saya mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia berurusan dengan syarikat konsesi bagi mendapatkan keputusan supaya kandungan perjanjian dibawa kepada pengetahuan umum. "Semua konsesi setuju kecuali Maju Expressway," katanya pada sidang media Pengumuman Program Insentif Perjalanan Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meminta Mohd Zin memberi penjelasan mengenai cadangan kerajaan tidak mengklasifikasikan perjanjian konsesi lebuhraya sebagai perkara sulit dan rahsia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kabinet sudah beberapa kali mengadakan perbincangan mengenai kandungan perjanjian konsesi lebuhraya sebelum ini.

Mohd Zin berkata, keputusan kerajaan mendedahkan perjanjian itu berikutan dakwaan sesetengah pihak ia berat sebelah dan menguntungkan pemegang konsesi. Ditanya bila Maju Expressway Berhad bersetuju mendedahkan perjanjian mereka, Zin berkata, beliau menjangka menerima keputusan daripada syarikat itu dalam masa terdekat.

"Kerajaan tidak boleh memaksa pemegang konsesi berkenaan menyatakan persetujuan kerana ada peruntukan dalam kontrak yang menyatakan mereka tidak perlu berbuat demikian. Bagaimanapun, kementerian yakin mereka akan menyatakan persetujuan tidak lama lagi," katanya.

20/11/2008 (Khamis)

Sentral: Fasa ketiga LRT siap Oktober tahun depan

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil inasalwa@bharian.com.my



DARI kiri Salleh, Ab Hakim dan Leong meninjau Plaza Pejalan Kaki Stesen LRT < plaza rasmi pembukaan selepas Jamek>

Pengguna bertukar aliran tidak perlu keluar bangunan

KUALA LUMPUR: Fasa kedua dan ketiga projek integrasi sistem transit aliran ringan (LRT) aliran Kelana Jaya dan Ampang membabitkan penyambungan di dua stesen LRT Masjid Jamek bernilai antara RM5 hingga RM10 juta bakal disiapkan selewat-lewatnya Oktober tahun depan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Hakim Borhan, berkata menerusi fasa kedua itu pengguna LRT di aliran Kelana Jaya tidak perlu melintas Jalan Tun Perak untuk ke aliran Ampang, manakala Fasa ketiga membabitkan pembinaan laluan keluar ke bangunan Hong Kong Bank.

"Kedua-dua projek ini akan dimulakan serentak pada tahun depan oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) dan kita menjangkakan projek integrasi ini akan disiapkan pada September atau Oktober tahun depan. "Apabila siap kelak, pengguna LRT dari aliran Kelana Jaya yang mahu ke aliran Ampang boleh terus naik ke platform tanpa perlu mengambil tiket seperti diamalkan sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media perasmian Plaza Pejalan Kaki Stesen LRT Masjid Jamek Kuala Lumpur di sini, semalam. Turut hadir, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusop; Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, Dr Leong Siew Mun; Ketua Pengarah Teknikal SPNB, Zulkifli Yusoff dan Pengarah Jabatan Teknikal Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Wan Kamal Wan Embong.

Ab Hakim berkata, bagi fasa pertama membabitkan pembesaran plaza pejalan kaki merentangi Sungai Klang bersebelahan stesen LRT Masjid Jamek di Jalan Melaka, Jalan Tun Perak dan Jalan Melayu, sudah siap sepenuhnya.

Beliau berkata, kemudahan itu merangkumi siar kaki dan jejantas berbumbung, kawasan 'park and ride', perhentian mengambil dan menurunkan penumpang untuk bas perantara, teksi dan kenderaan persendirian. "Melalui kemudahan ini, orang ramai dapat bergerak dalam stesen LRT dengan lebih selesa, lebih cepat dan selamat," katanya.

20/11/2008 (Khamis)

Timur: PBT Terengganu tanggung tunggakan cukai RM100 juta

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin hanneeyzah@bharian.com.my

KUALA TERENGGANU: Pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini menanggung tunggakan cukai pintu yang dianggarkan berjumlah lebih RM100 juta, termasuk RM50 juta yang gagal dikutip Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sejak 1979.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Said yang kecewa dengan perkembangan itu berkata, enam lagi PBT mempunyai cukai pintu tertunggak antara RM8 hingga RM10 juta. Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri berkata, PBT negeri berdepan kerugian apabila sumber pendapatan itu tidak dapat dikutip bagi membantu menampung perbelanjaan mengurus termasuk membayar gaji kakitangan PBT.

"Sekarang hanya dua PBT iaitu Majlis Perbandaran Kemaman dan Dungun yang kita tidak tanggung (pembayaran gaji). Malah, cukai pintu juga sudah 27 tahun tidak dinaikkan. Bayangkan, ketika ini kita masih menggunakan kadar cukai pintu 1981, sedangkan di negeri lain ia sudah dinaikkan. "Masalahnya sekarang, hanya 50 peratus penduduk membayar cukai pintu. Kalau kita lihat di Lembah Klang mereka bayar sehingga lebih 90 peratus sebab sedar tanggungjawab mereka, tetapi kesedaran itu tidak ada pada rakyat Terengganu.

"Sebagai contoh, Majlis Daerah Setiu hanya mampu mengutip RM60,000 cukai pintu setahun. Amat sedihlah hendak bayar gaji Yang Dipertua pun tak dapat," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian tambahan kedua royalti air Stesen Janakuasa Elektrik Sultan Mahmud di Tasik Kenyir antara Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan kerajaan negeri Terengganu. TNB diwakili Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie manakala kerajaan negeri diwakili Ahmad.

Majlis turut disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Che Khaleb Mohamad Noh dan Timbalan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Adzlan Mohd Dagang.

20/11/2008 (Khamis)

Utara: BPR diminta siasat jawatankuasa kutip wang

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman wananwar@bharian.com.my

Bantu mangsa beli rumah, kes ambil tanah RTB Kuala Muda

GEORGETOWN: Badan Pencegah Rasuah (BPR) diminta menyiasat kewujudan sebuah jawatankuasa bertindak yang dikatakan mengutip wang daripada penduduk di Penaga kononnya bagi membantu mendapatkan rumah mangsa tsunami di Kuala Muda, Seberang Prai Utara (SPU).

Ketua Pembangkang, Datuk Azhar Ibrahim (BN-Penaga), berkata beliau menerima maklumat jawatankuasa itu melakukan kutipan wang daripada penduduk kononnya bagi membantu mereka untuk membeli rumah berkenaan.

"Kalau BPR boleh masuk (siasat) sekarang, tolonglah siasat, cari orang di dalamnya (jawatankuasa bertindak)," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Azhar berkata, beliau hairan dengan sikap Pejabat Daerah SPU melayan jawatankuasa yang tidak diketahui asal-usulnya yang secara tiba-tiba mahu berjuang membantu penduduk untuk mendapatkan rumah. Beliau juga mahu BPR menyiasat kewujudan sebuah syarikat yang mendakwa dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi membuat penilaian kerugian dialami penduduk yang terbabit dengan pengambilan tanah dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Kuala Muda.

Bagaimanapun, katanya, semakan dengan JPS mendapati tiada syarikat yang dilantik dan berperanan untuk membuat penilaian kerugian serta membantu penduduk menuntut bayaran ganti rugi dengan nilai yang tinggi. "JPS menegaskan bahawa kerja membuat penilaian dilakukan pihak dilantik Jabatan Penilaian dan tidak ada syarikat lain yang dipilih untuk membuat penilaian serta membantu menuntut ganti rugi yang tinggi. "Saya harap BPR masuk ke Kuala Muda dan cari semua pihak yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Sementara itu, Azhar berkata, kerajaan negeri perlu bertanggungjawab terhadap kemelut melanda Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), kejohanan perahu naga yang dibelenggu hutang, kegagalan penganjuran Kejohanan Raja Tennis dan penipuan penganjuran Festival Kebudayaan Asean di Tapak Pesta Sungai Nibong, baru-baru ini.

20/11/2008 (Khamis)

Cuepacs desak rombak dasar

Oleh S Anand Kumar anand@bharian.com.my

Usaha berikan sokongan moral kepada kakitangan kerajaan: Omar

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mendesak kerajaan merombak semula beberapa dasar perkhidmatan awam, termasuk mengkaji semula sistem penawaran kerja secara kontrak dalam usaha memberi sokongan moral kepada kakitangan kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti kerja mereka.

Presidennya, Omar Osman, berkata pihak kesatuan memohon supaya hampir 50,000 kakitangan awam yang kini berkhidmat secara kontrak di pelbagai jabatan serta agensi kerajaan diberi status jawatan tetap. Katanya, rata-rata kakitangan berkenaan berkhidmat melebihi 15 tahun dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) wajar mengkaji balik perkara itu seterusnya menyerap mereka ke jawatan tetap.

"Hari ini kita bercakap soal integriti... soal sokongan moral kepada kakitangan awam... mengapa tidak kita serapkan kakitangan kontrak ini kepada jawatan tetap. Apabila keadaan ini berpanjangan tanpa sebarang penyelesaian, itu yang menyebabkan mereka kecewa.

"Ini juga sedikit sebanyak menjejaskan mutu perkhidmatan awam kerana apabila kontrak mereka tamat dan diganti dengan orang lain... pihak berkenaan pula tidak memahami apakah kerja yang belum diselesaikan sebelum ini... perlu bermula dari awal... ini akan mengambil masa yang panjang," katanya, semalam.

Omar berkata demikian ketika ditanya mengenai mutu perkhidmatan penjawat awam di negara ini menjadi tanda tanya apabila Biro Pengaduan Awam dan JPA terus menerima banyak aduan orang ramai mengenai hasil kerja mereka.

Semalam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam, berkata paling membimbangkan jumlah aduan itu terus meningkat hampir tiga kali ganda sejak 2005. "Begitu juga dengan isu peperiksaan PTK... kita hanya minta kerajaan memansuhkannya bukan bertindak mengugut kerajaan... ini semua antara luahan kakitangan awam... ini kadang-kala menyebabkan mereka kecewa," katanya.

Omar juga berkata, jika benar kualiti perkhidmatan penjawat awam kini semakin merosot, anugerah khidmat cemerlang tidak perlu lagi diadakan kerana anugerah yang diadakan setiap tahun itu menunjukkan kakitangan awam menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

20/11/2008 (Khamis)

Firma dakwa pembatalan e-Kesihatan tak dimaklum

Oleh Sazarina Shahrim sazarina@bharian.com.my

Supremme Systems belum terima surat daripada kementerian

KUALA LUMPUR: Supremme Systems Sdn Bhd (Supremme Systems), syarikat pengendali program e-Kesihatan semalam mendakwa tidak dimaklumkan mengenai pembatalan program yang mewajibkan pemohon Lesen Memandu Perkhidmatan Kenderaan Awam (PSV) dan Lesen Memandu Kenderaan Barang (GDL) menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan.

Pengarah Urusannya, Datuk Nordin Yahya, yang terkejut dengan berita itu berkata, pihaknya hanya mengetahui mengenai pembatalan itu menerusi akhbar semalam. "Saya tidak tahu apa-apa mengenai pembatalan itu. Kami langsung tidak diberitahu mengenainya, tiada sebarang surat atau panggilan telefon kami terima," katanya semalam.

Beliau juga enggan mengulas mengenai bayaran pampasan kerana tidak menerima sebarang surat rasmi untuk mengesahkan pembatalan program berkenaan. Semalam, Kementerian Pengangkutan membatalkan program e-Kesihatan yang mewajibkan PSV dan GDL menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan.

Menterinya, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata keputusan itu dibuat berikutan e-Kesihatan banyak menimbulkan masalah selain disyaki terdedah dengan penyelewengan dan unsur rasuah. E-Kesihatan dicadangkan selepas kemalangan bas di Jalan Kuala Lipis-Merapoh yang mengorbankan 15 nyawa selain mencederakan 29 penumpang pada 20 November 2003.

Pada 3 September 2007, kerajaan menandatangani perjanjian dengan Supremme Systems, namun pada 19 September 2007, berikutan aduan pelbagai pihak termasuk Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Menteri Kesihatan ketika itu, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, mengumumkan Kabinet memutuskan program itu ditangguh dan dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) terlebih dulu.

Sementara itu, Presiden MMA, Datuk Dr Khoo Kah Lin yang menyambut baik pembatalan program itu berkata, semua doktor di negara ini tidak memerlukan orang tengah untuk mendaftarkan mereka kerana semua pendaftaran sudah dibuat dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

"Jawatankuasa Teknikal MMA sudah menyediakan format bagaimana ujian klinikal dan makmal untuk saringan dan pengesahan pemandu kenderaan komersial perlu dibuat. "Kita berharap sebarang program baru yang akan dilaksanakan kelak, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengambil kira pandangan MMA bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin," katanya.

20/11/2008 (Khamis)

5 kementerian patut selaras kajian herba

Oleh Khairul Azran Hussin khaiazr@bharian.com.my



MUSTAPA (tengah) bersama Zainal Azman dan Mahadzir (kiri) melancarkan Laman Web e-Dagang dan Taklimat Program Pengiklanan Media Internet Industri Herba di Kuala Lumpur, semalam.

Setiap agensi laksana fungsi hampir sama: Mustapa

KUALA LUMPUR: Pertindihan fungsi dalam aspek pelaksanaan tugas lima kementerian perlu disusun semula bagi memastikan pengeluaran bahan mentah herba negara yang ketika ini dianggarkan bernilai lebih RM400 juta terus berkembang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed berkata, selain kementeriannya, kementerian terbabit ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Setiap agensi kementerian itu menjalankan tugas yang hampir sama. Contohnya, penyelidikan oleh Mardi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Kesihatan adalah untuk meningkatkan kualiti industri herba. "Namun, langkah bersepadu membolehkan tongkat ali, misai kucing, kacip fatimah, serai dan pelbagai jenis herba diberi perhatian sewajarnya kerana kegunaannya sudah mendapat tempat di kalangan masyarakat, sama ada bagi tujuan penjagaan kesihatan atau kecantikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis Pelancaran Laman Web e-Dagang dan Taklimat Program Pengiklanan Media Internet Industri Herba di sini, semalam. Hadir sama, Pengurus Besar Kumpulan Malaysian Herbal Corporation, Zainal Azman Abu Kasim dan Pengerusi DagangAsia Net Sdn Bhd, Mahadzir Mohd Isa.

Mustapa berkata, perubatan herba ditawarkan di tiga hospital terpilih iaitu Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang, Hospital Pandan di Johor dan Hospital Putrajaya. "Ia memperlihatkan perkembangan industri herba negara yang semakin mendapat permintaan daripada masyarakat. "Justeru, kerajaan kini turut mengkaji usaha meningkatkan pengeluaran bahan

mentah herba kerana ketika ini negara mengimport 65 hingga 70 peratus bahan mentah dari Indonesia dan India," katanya.

Sementara itu, Zainal berkata, keluaran industri herba tempatan akan meningkat kepada RM8 bilion tahun ini berbanding RM7.5 bilion tahun lalu.